*Contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/Dropship Agent/Personal Shopper dan lain-lain.

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli



n=Jumlah responden Orang Asli


Nota: *Tidak termasuk 9 graduan yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji).

Bab 7.3 memperincikan keluaran graduan Orang Asli tahun 2024 mengikut jenis IPT, peringkat pengajian dan bidang pengajian. Selain itu, analisis turut memberi tumpuan kepada kadar bekerja graduan dan maklumat pekerjaan yang merangkumi taraf dan sektor pekerjaan serta sebab belum bekerja dalam kalangan graduan Orang Asli.

7.3 Graduan Orang Asli 2024

7.3.1 Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

- Keluaran graduan berketurunan Orang Asli merekodkan seramai 401 graduan bagi tahun 2024 yang terdiri dari 152 graduan UA, IPTS (123 graduan), ILKA KKDW (34 graduan), kolej komuniti (32 graduan), politeknik (31 graduan) dan ILKA KESUMA seramai 20 graduan.
- Semua graduan Orang Asli di ILKBS dan ILKA KKR adalah lelaki (seorang graduan).
- Majoriti IPT merekodkan peratusan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali ILKA KESUMA (85.0%) dan kolej vokasional (57.1%).



7.3.2 Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Graduan Orang Asli peringkat diploma merekodkan keluaran terbesar, iaitu seramai 183 graduan, diikuti ijazah pertama (122 graduan), sijil (85 graduan), sarjana (8 graduan), diploma pascasiswazah (2 graduan) dan diploma lanjutan (1 graduan).
- Keluaran graduan Orang Asli peringkat sarjana dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 37.5 peratus, diikuti ijazah pertama (35.2%) dan diploma (31.7%). Bagi peringkat sijil, peratus tertinggi ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu sebanyak 51.8 peratus.

Jadual 7h

Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Peringkat pengajian (%)												Keseluruhan (N= 401)	
	Sarjana (N= 8)		Ijazah pertama (N= 122)		Diploma (N= 183)		Sijil (N= 85)		Diploma pascasiswazah (N= 2)		Diploma lanjutan (N= 1)			
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	3	37.5	43	35.2	58	31.7	2	2.4	-	-	-	-	106	26.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	-	-	13	10.7	38	20.8	44	51.8	-	-	-	-	95	23.7
Sastera dan kemanusiaan	1	12.5	11	9.0	14	7.7	23	27.1	-	-	-	-	49	12.2
*Pendidikan	1	12.5	11	9.0	27	14.8	-	-	2	100.0	-	-	41	10.2
Perkhidmatan	1	12.5	8	6.6	15	8.2	7	8.2	-	-	-	-	31	7.7
Kesihatan dan kebajikan	1	12.5	9	7.4	9	4.9	3	3.5	-	-	1	100.0	23	5.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	1	12.5	4	3.3	12	6.6	5	5.9	-	-	-	-	22	5.5
Sains semulajadi, matematik dan statistik	-	-	14	11.5	-	-	-	-	-	-	-	-	14	3.5
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	-	5	4.1	5	2.7	-	-	-	-	-	-	10	2.5
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	-	-	4	3.3	5	2.7	1	1.2	-	-	-	-	10	2.5

N= Jumlah graduan Orang Asli

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

7.3.3 Kadar Bekerja Graduan Orang Asli 2024

- Secara keseluruhan, sebanyak 95.0 peratus (249 graduan) daripada graduan Orang Asli yang berada dalam tenaga buruh telah memperoleh pekerjaan dan 5.0 peratus (13 graduan) belum bekerja.
- Graduan perempuan mencatatkan kadar bekerja lebih tinggi, iaitu 95.8 peratus berbanding graduan lelaki (93.7%).

Carta 7.3b

Kadar Bekerja Graduan Orang Asli 2024



n= Jumlah responden Orang Asli

7.3.3.1 Kadar Bekerja Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan peringkat sarjana dan diploma pascasiswazah mencatatkan kadar bekerja 100.0 peratus, diikuti sijil (97.1%; 68 graduan), diploma (94.2%; 81 graduan) dan ijazah pertama (93.8%; 90 graduan).
- Sebanyak 6.3 peratus graduan ijazah pertama belum bekerja, diikuti diploma (5.8%) dan sijil sebanyak 2.9 peratus.

Jadual 7i

Kadar Bekerja Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah graduan dalam tenaga buruh	Kadar bekerja graduan			
		Bekerja		Belum bekerja	
		Bil.	%	Bil.	%
Sarjana	8	8	100.0	-	-
Ijazah pertama	96	90	93.8	6	6.3
Diploma	86	81	94.2	5	5.8
Sijil	70	68	97.1	2	2.9
Diploma pascasiswazah	2	2	100.0	-	-
Keseluruhan	262	249	95.0	13	5.0

7.3.3.2 Kadar Bekerja Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat tiga (3) bidang pengajian yang merekodkan kadar bekerja 100.0 peratus, iaitu bidang pendidikan (19 graduan), teknologi maklumat & komunikasi (12 graduan) dan sains semula jadi, matematik & statistik (10 graduan). Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (69 graduan) dan perkhidmatan (23 graduan) masing-masing merekodkan kadar bekerja yang sama, iaitu 95.8 peratus. Lain-lain bidang merekodkan kadar bekerja graduan daripada 83.3 hingga 95.5 peratus.

Jadual 7j


Kadar Bekerja Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah graduan dalam tenaga buruh	Kadar bekerja graduan			
		Bekerja		Belum bekerja	
		Bil.	%	Bil.	%
*Pendidikan	19	19	100.0	-	-
Teknologi maklumat dan komunikasi	12	12	100.0	-	-
Sains semulajadi, matematik dan statistik	10	10	100.0	-	-
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	72	69	95.8	3	4.2
Perkhidmatan	24	23	95.8	1	4.2
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	67	64	95.5	3	4.5
Sastera dan kemanusiaan	36	33	91.7	3	8.3
Kesihatan dan kebajikan	10	9	90.0	1	10.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	6	5	83.3	1	16.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	6	5	83.3	1	16.7
Keseluruhan	262	249	95.0	13	5.0

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).


7.3.4 Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2024

- Sebanyak 62.7 peratus (156 graduan) graduan Orang Asli merupakan pekerja swasta termasuk NGO, manakala 14.5 peratus (36 graduan) adalah usahawan.
- Sementara itu, sebanyak 11.6 peratus (29 graduan) berkhidmat sebagai pekerja kerajaan dan selebihnya 11.2 peratus (28 graduan) bekerja dengan keluarga.




7.3.5 Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2024

- Syarikat tempatan merupakan penyumbang utama pekerjaan kepada graduan Orang Asli, iaitu sebanyak 53.8 peratus. Ini diikuti oleh sektor ekonomi gig (12.9%), syarikat multinasional (10.0%), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (9.6%) dan kerajaan persekutuan (7.2%).



7.3.6 Kumpulan Pekerjaan Graduan Orang Asli 2024

- Kumpulan profesional merupakan kategori pekerjaan yang mencatatkan peratus tertinggi dalam kalangan graduan Orang Asli, iaitu sebanyak 29.7 peratus (74 graduan), diikuti oleh pekerja perkhidmatan & jualan (16.5%; 41 graduan), pekerja sokongan perkeranian (15.7%; 39 graduan) dan juruteknik & profesional bersekutu (13.7%; 34 graduan).



7.3.7 Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Peringkat Pengajian

- Secara keseluruhan, peratus tertinggi pendapatan bulanan graduan Orang Asli berada dalam julat RM1,501 – RM2,000, iaitu sebanyak 40.0 peratus (96 graduan), diikuti julat RM1,000 & ke bawah (13.8%), RM2,001 – RM2,500 (13.3%) dan RM1,001 – RM1,500 sebanyak 12.1 peratus.
- Graduan ijazah pertama, diploma dan sijil merekodkan peratus tertinggi dalam julat RM1,501 – RM2,000.

Jadual 7k Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2024 Mengikut Peringkat Pengajian

Pendapatan bulanan	Peringkat pengajian (%)					
	Sarjana (n= 8)	Ijazah pertama (n= 90)	Diploma (n= 80)	Sijil (n= 60)	Diploma pascasiswazah (n= 2)	*Keseluruhan (n= 240)
RM1,000 dan ke bawah	-	5.6	6.3	36.7	50.0	13.8
RM1,001 – RM1,500	-	12.2	11.3	15.0	-	12.1
RM1,501 – RM2,000	-	32.2	56.3	36.7	-	40.0
RM2,001 – RM2,500	-	15.6	18.8	5.0	-	13.3
RM2,501 – RM3,000	-	17.8	5.0	1.7	-	8.8
RM3,001 – RM4,000	-	7.8	2.5	3.3	50.0	5.0
RM4,001 – RM5,000	-	4.4	-	-	-	1.7
RM5,001 – RM10,000	50.0	4.4	-	1.7	-	3.8
Lebih daripada RM10,000	50.0	-	-	-	-	1.7

n= Jumlah responden bekerja Orang Asli

*Tidak termasuk graduan Orang Asli yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji) seramai 9 graduan.

7.3.8 Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2024

- Majoriti graduan Orang Asli tahun 2024 bekerja dalam sektor perkhidmatan (73.9%), diikuti sektor pembuatan (10.4%), pertanian (10.0%), pembinaan (5.2%) dan sebanyak 0.4 peratus berada dalam sektor perlombongan & pengkuarian.

Jadual 71


Sektor Ekonomi yang Diceburi Graduan Orang Asli 2024

Sektor ekonomi	Bil. responden	%
1. *Pertanian	25	10.0
2. Perlombongan dan pengkuarian	1	0.4
3. Pembuatan	26	10.4
4. Pembinaan	13	5.2
5. Perkhidmatan	184	73.9
a. Aktiviti perkhidmatan lain	40	16.1
b. Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	25	10.0
c. Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	22	8.8
d. Pendidikan	22	8.8
e. Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	15	6.0
f. Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	11	4.4
g. Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	7	2.8
h. Pengangkutan dan penyimpanan	7	2.8
i. Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	7	2.8
j. Aktiviti hartanah	6	2.4
k. Maklumat dan komunikasi	5	2.0
l. Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	5	2.0
m. Kesenian, hiburan dan rekreasi	5	2.0
n. Pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib	3	1.2
o. Aktiviti isi rumah sbg. majikan: mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	3	1.2
p. Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	1	0.4
q. Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	836	0.4

*Pertanian merujuk kepada sektor ekonomi pertanian, perhutanan dan perikanan.


7.3.9 Sebab Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2024

- Bagi graduan Orang Asli yang berada dalam tenaga buruh, sebahagian besar (92.3%) sedang mencari pekerjaan dan selebihnya 7.7 peratus disebabkan pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian.



7.3.10 Graduan Orang Asli Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan, 2024

- Seramai 94 graduan daripada 356 graduan Orang Asli pada tahun 2024 berada di luar tenaga buruh.
- Sebanyak 63.8 peratus graduan Orang Asli yang berada di luar tenaga buruh memilih untuk melanjutkan pengajian, diikuti 18.1 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan, manakala 5.3 peratus pula menunggu keputusan atau tawaran melanjutkan pengajian.
- Sementara itu, graduan yang memilih untuk berehat/melancong/bercuti dan sedang mengikuti kursus peningkatan kemahiran merekodkan peratusan yang sama (4.3%). Selebihnya, 3.2 peratus disebabkan tanggungjawab terhadap keluarga dan 1.1 peratus memilih untuk tidak bekerja.



Muka surat ini dibiarkan kosong.

BAHAGIAN

III

BAB 8

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KADAR BEKERJA GRADUAN (WARGANEGARA), 2020-2024

BAB 9

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA, 2020-2024


BAB 10

TREND KELUARAN DAN KADAR BEKERJA GRADUAN TVET (TIDAK TERMASUK MTUN), 2020-2024

BAB 11

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET ILKA (TIDAK TERMASUK MTUN), 2020-2024

Muka surat ini dibiarkan kosong.



BAB 8

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KADAR BEKERJA GRADUAN (WARGANEGARA), 2020-2024

8.1 Penyertaan IPT dan Graduan, 2020-2024

8.2 Kadar Bekerja Graduan, 2020-2024


8.3 Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2020-2024

Muka surat ini dibiarkan kosong.

Bab ini memaparkan trend keluaran graduan bagi tempoh lima (5) tahun kajian, iaitu bagi tahun 2020 hingga 2024 mengikut jenis Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), peringkat pengajian dan taraf kewarganegaraan. Bab ini turut membincangkan **Kadar Bekerja Graduan** yang mana bermula pada tahun 2024, ia menjadi petunjuk prestasi baharu bagi menggantikan Kadar Kebolehpasaran Graduan. **Kadar Bekerja Graduan** merupakan perkadaran graduan baharu yang bekerja kepada bilangan graduan dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus graduan baharu di dalam tenaga buruh yang bekerja.

8.1 Trend Penyertaan IPT dan Graduan, 2020–2024

- Sebanyak 891 IPT telah menyertai kajian pada tahun 2024, berbanding 885 IPT pada tahun 2023, iaitu pertambahan enam (6) IPT baru pada tahun 2024. Keluaran graduan pada tahun 2024 ialah seramai 353,112 graduan, iaitu meningkat sebanyak 2.1 peratus berbanding tahun 2023 (345,842 graduan).
- Terdapat dua (2) IPTS yang baru menyertai kajian SKPG tahun 2024, iaitu City University Malaysia Johor Bahru Campus dan Kolej Universiti Genovasi. Bagi ILKA, empat (4) ILKA baru yang menyertai SKPG 2024, iaitu Kolej Vokasional Sandakan 2, Kolej Vokasional Pagoh, Kolej Vokasional Tanjung Piai dan Institut Latihan Mekanisasi dan Automasi Peladang (ILMAP).
- Kadar respons keseluruhan (warganegara dan bukan warganegara) bagi tahun 2024 ialah 92.9 peratus, iaitu meningkat sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2023 (92.5%). Bagi graduan warganegara, kadar respons merekodkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus, iaitu kepada 94.7 peratus berbanding 93.9 peratus pada tahun 2023. [Carta 8.1a]



- Bagi keluaran graduan tahun 2024, terdapat tujuh (7) IPT merekodkan peningkatan dengan peratus tertinggi iaitu ILKA KKR sebanyak 78.0 peratus, diikuti kolej vokasional (56.5%), ILKA KKDW (20.7%) dan kolej komuniti (19.3%). Manakala terdapat lima (5) IPT merekodkan penurunan keluaran graduan dengan IPT lain sebanyak 52.9 peratus, diikuti ILKA MOTAC (25.2%), politeknik (22.8%), ILKAP KPKM (20.6%) dan IPTS sebanyak 0.7 peratus. **[Jadual 8a]**

Jadual 8a

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Jenis IPT, 2020-2024


Jenis IPT	Tahun konvokesyen										Peratus perubahan tahunan 2024
	2020		2021		2022		2023		2024		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	
UA	127,334	40.0	138,797	41.6	149,813	43.6	145,821	42.2	151,741	43.0	4.1
IPTS	110,797	34.8	117,280	35.2	122,531	35.6	125,261	36.2	124,370	35.2	-0.7
Politeknik	28,532	9.0	26,507	7.9	26,728	7.8	30,833	8.9	23,800	6.7	-22.8
Kolej komuniti	6,939	2.2	8,990	2.7	7,986	2.3	6,367	1.8	7,599	2.2	19.3
ILKA KKDW	20,134	6.3	14,192	4.3	12,045	3.5	14,733	4.3	17,780	5.0	20.7
Kolej vokasional	11,878	3.7	10,628	3.2	9,505	2.8	6,614	1.9	10,350	2.9	56.5
ILKA KESUMA	5,995	1.9	5,497	1.6	5,243	1.5	7,216	2.1	8,349	2.4	15.7
ILKBS	3,286	1.0	2,507	0.8	2,527	0.7	3,902	1.1	4,222	1.2	8.2
ILKA KKR	929	0.3	3,854	1.2	3,030	0.9	1,645	0.5	2,928	0.8	78.0
ILKAP KPKM	898	0.3	1,228	0.4	906	0.3	982	0.3	780	0.2	-20.6
ILKA MOTAC	64	0.02	92	0.03	82	0.02	107	0.03	80	0.02	-25.2
IPT lain	1,807	0.6	3,974	1.2	3,371	1.0	2,361	0.7	1,113	0.3	-52.9
Jumlah	318,593	100	333,546	100	343,767	100	345,842	100	353,112	100	2.1

8.1.1 Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2024

- Trend keseluruhan keluaran graduan dalam tempoh lima (5) tahun (2020-2024) menunjukkan peningkatan setiap tahun.
- Sebanyak 44.5 peratus keluaran graduan pada tahun 2024 ialah peringkat ijazah pertama, diikuti peringkat diploma (33.0%), sijil (9.8%), sarjana (8.2%), peringkat lain (2.7%) dan PhD sebanyak 1.8 peratus. **[Carta 8.1b dan Jadual 8b]**
- Bilangan graduan peringkat lain mencatatkan peningkatan ketara, iaitu sebanyak 103.4 peratus pada tahun 2024. Keluaran graduan PhD turut meningkat sebanyak 25.7 peratus pada tahun 2024 (6,483 graduan) berbanding 5,158 graduan pada tahun 2023, diikuti peringkat sijil dan ijazah pertama, iaitu masing-masing 13.0 peratus dan 4.0 peratus. Keluaran graduan diploma pula terus merekodkan penurunan dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu 40.1 peratus pada tahun 2020 kepada 33.0 peratus pada tahun 2024.
- Graduan bukan warganegara (termasuk Penduduk Tetap) mewakili 6.6 peratus (23,241 graduan) daripada jumlah keseluruhan graduan pada tahun 2024. Bilangan tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 8.4 peratus berbanding tahun 2023. **[Carta 8.1b]**

Carta 8.1b

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2024



N= Jumlah graduan

BW= Bukan warganegara (termasuk Penduduk Tetap)

*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, sijil lanjutan dan profesional.

- Graduan peringkat profesional menunjukkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak 189.3 peratus, seramai 431 graduan pada tahun 2024 berbanding 149 graduan pada tahun 2023. Ini diikuti peringkat diploma pascasiswazah sebanyak 137.9 peratus, iaitu 7,849 graduan pada tahun 2024 berbanding 3,299 graduan pada tahun 2023.
- Turut merekodkan peningkatan adalah graduan sijil siswazah (113.3%), diploma lanjutan (92.6%), sijil pascasiswazah (76.0%), PhD (25.7%), sijil (13.0%) dan ijazah pertama (4.0%).
- Manakala empat (4) peringkat pengajian merekodkan penurunan bilangan graduan, iaitu sijil lanjutan (39.9%), diploma siswazah (31.3%), diploma (7.0%) dan sarjana (0.8%). [**Jadual 8b**]


Jadual 8b

Trend Keluaran Keseluruhan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2024

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2024
	2020	2021	2022	2023	2024	
	Bil.					%
PhD	4,354	4,560	5,016	5,158	6,483	25.7
Sarjana	20,158	23,107	26,169	29,056	28,835	-0.8
Ijazah pertama	131,045	140,994	154,988	151,170	157,247	4.0
Diploma	127,747	128,960	128,596	125,128	116,384	-7.0
Sijil	33,251	32,960	25,916	30,639	34,620	13.0
Diploma pascasiswazah	1,374	2,016	1,715	3,299	7,849	137.9
Sijil pascasiswazah	62	62	161	50	88	76.0
Profesional	401	652	401	149	431	189.3
Diploma siswazah	-	-	92	96	66	-31.3
Sijil siswazah	-	-	41	60	128	113.3
Diploma lanjutan	201	235	315	270	520	92.6
Sijil lanjutan	-	-	357	767	461	-39.9
Jumlah	318,593	333,546	343,767	345,842	353,112	2.1

8.1.2 Trend Keluaran Graduan Universiti Awam (UA), 2020–2024

- Pada tahun 2024, UA mengeluarkan sebanyak 151,741 graduan, meningkat sebanyak 4.1 peratus berbanding tahun 2023 (145,821 graduan).
- Bilangan graduan bukan warganegara di UA pada tahun 2024 juga meningkat sebanyak 24.6 peratus, iaitu seramai 10,011 graduan yang mewakili 6.6 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan UA tahun 2024.
- Peratusan terbesar keluaran UA pada tahun 2024 ialah peringkat ijazah pertama, iaitu 64.0 peratus, diikuti graduan diploma (17.1%), sarjana (12.0%), peringkat lain (3.8%) dan PhD sebanyak 3.1 peratus. **[Carta 8.1c]**



- Graduan peringkat profesional dan diploma pascasiswazah menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2024, iaitu masing-masing sebanyak 158.4 peratus dan 104.7 peratus. Keluaran graduan peringkat diploma lanjutan (44.8%), PhD (13.2%) dan ijazah pertama (7.0%) turut meningkat pada tahun 2024.
- Bagi graduan diploma dan sarjana pula merekodkan penurunan, iaitu masing-masing sebanyak 12.0 peratus dan 1.2 peratus. **[Jadual 8c]**


Jadual 8c

Trend Keluaran Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2024
	2020	2021	2022	2023	2024	
	Bil.					%
PhD	3,821	4,012	4,134	4,220	4,778	13.2
Sarjana	14,499	16,373	16,038	18,434	18,207	-1.2
Ijazah pertama	76,609	82,300	92,872	90,677	97,044	7.0
Diploma	31,081	34,642	35,495	29,516	25,973	-12.0
Diploma pascasiswazah	1,126	1,213	1,031	2,575	5,270	104.7
Profesional	193	163	101	149	385	158.4
Diploma siswazah	-	-	-	34	-	-
Diploma lanjutan	5	94	89	58	84	44.8
Sijil lanjutan	-	-	53	158	-	-
Jumlah	127,334	138,797	149,813	145,821	151,741	4.1

8.1.3 Trend Keluaran Graduan IPTS, 2020–2024

- Peratusan keluaran tahun 2024 bagi semua peringkat pengajian merekodkan peningkatan berbanding 2023, kecuali peringkat diploma dan sijil yang mencatatkan penurunan. [Carta 8.1d]
- Sebanyak 124,370 graduan telah dikeluarkan oleh IPTS pada tahun 2024, menurun 0.7 peratus berbanding tahun 2023 (125,261 graduan).
- Graduan bukan warganegara mewakili 10.6 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan IPTS tahun 2024, iaitu seramai 13,230 graduan. Bilangan tersebut menurun sebanyak 1.3 peratus berbanding tahun 2023.




- Keluaran IPTS pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan ketara berbanding 2023 bagi peringkat diploma pascasiswazah (256.2%), sijil siswazah (113.3%), PhD (82.1%) dan sijil pascasiswazah sebanyak 76.0 peratus.
- Terdapat beberapa peringkat pengajian yang mengalami penurunan jumlah keluaran, iaitu peringkat sijil menurun sebanyak 12.2 peratus, diikuti diploma (6.2%) dan ijazah pertama sebanyak 0.5 peratus.
- Tiada keluaran graduan direkodkan di peringkat sijil lanjutan pada tahun 2023 dan 2024. [Jadual 8d]

Jadual 8d Trend Keluaran Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2024
	2020	2021	2022	2023	2024	
	Bil.					%
PhD	533	548	880	935	1,703	82.1
Sarjana	5,659	6,734	10,126	10,619	10,626	0.1
Ijazah pertama	54,177	58,476	61,849	60,196	59,904	-0.5
Diploma	48,168	48,845	46,592	49,866	46,782	-6.2
Sijil	1,592	1,273	1,589	2,568	2,254	-12.2
Diploma pascasiswazah	248	803	684	724	2,579	256.2
Sijil pascasiswazah	62	62	161	50	88	76.0
Profesional	208	444	300	-	45	-
Diploma siswazah	-	-	92	62	66	6.5
Sijil siswazah	-	-	41	60	128	113.3
Diploma lanjutan	150	95	188	181	195	7.7
Sijil lanjutan	-	-	29	-	-	-
Jumlah	110,797	117,280	122,531	125,261	124,370	-0.7

8.1.4 Trend Keluaran Graduan Politeknik, 2020–2024

- Hampir keseluruhan keluaran politeknik ialah peringkat diploma bagi tempoh lima (5) tahun melebihi 98.5 peratus manakala selebihnya adalah graduan ijazah pertama dan sijil. [Carta 8.1e]
- Bilangan keluaran peringkat sijil dan ijazah pertama merekodkan peningkatan berbanding tahun 2023, iaitu masing-masing 141.9 peratus dan 11.3 peratus. Manakala bagi peringkat diploma mencatatkan penurunan sebanyak 23.2 peratus. [Jadual 8e]




Jadual 8e Trend Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2024
	2020	2021	2022	2023	2024	
	Bil.					%
Ijazah pertama	166	169	154	160	178	11.3
Diploma	28,258	26,248	26,481	30,630	23,518	-23.2
Sijil	108	90	93	43	104	141.9
Jumlah	28,532	26,507	26,728	30,833	23,800	-22.8

8.1.5 Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti, 2020–2024


- Kolej komuniti mengeluarkan sebanyak 7,599 graduan pada tahun 2024 dengan hampir keseluruhan keluaran ialah peringkat sijil, iaitu 97.5 peratus. Jumlah keseluruhan keluaran meningkat sebanyak 19.3 peratus berbanding 2023. [Carta 8.1f]
- Bilangan keluaran graduan peringkat sijil dan diploma kolej komuniti pada tahun 2024 merekodkan peningkatan, iaitu masing-masing 19.9 peratus dan 2.1 peratus. [Jadual 8f]



Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2024
	2020	2021	2022	2023	2024	
	Bil.					%
Diploma	219	36	248	189	193	2.1
Sijil	6,720	8,954	7,738	6,178	7,406	19.9
Jumlah	6,939	8,990	7,986	6,367	7,599	19.3

8.1.6 Trend Keluaran Graduan ILKA Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2024

- Selain KPT, terdapat tujuh (7) ILKA di bawah kementerian lain, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Kerja Raya (KKR).
- Pada tahun 2024 seramai 44,489 graduan dikeluarkan oleh ILKA, iaitu meningkat sebanyak 26.4 peratus dari tahun sebelumnya. Majoriti keluaran ILKA adalah graduan peringkat sijil, iaitu sebanyak 55.6 peratus, diikuti peringkat diploma (42.8%), peringkat sijil lanjutan (1.0%) dan peringkat diploma lanjutan sebanyak 0.5 peratus. [Carta 8.1g]
- Graduan peringkat diploma lanjutan merekodkan peningkatan sebanyak 677.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, diikuti peringkat diploma (47.7%) dan sijil sebanyak 14.2 peratus. Manakala graduan peringkat sijil lanjutan menunjukkan peratus penurunan sebanyak 24.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.




Peringkat pengajian	Tahun konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2024
	2020	2021	2022	2023	2024	
	Bil.					%
Diploma lanjutan	46	46	38	31	241	677.4
Diploma	18,465	15,501	16,919	12,902	19,061	47.7
Sijil	24,673	22,451	16,106	21,657	24,726	14.2
Sijil Lanjutan	-	-	275	609	461	-24.3
Jumlah	43,184	37,998	33,338	35,199	44,489	26.4

8.2 Kadar Bekerja Graduan, 2020–2024

Analisis Kadar Bekerja Graduan pada bahagian ini memberi fokus kepada graduan warganegara sahaja bagi peringkat sijil sehingga Doktor Falsafah (PhD). Terdapat perubahan penggunaan petunjuk prestasi baharu **Kadar Bekerja Graduan (Graduate Employment; GE)** menggantikan **Kadar Kebolehpasaran Graduan** bermula tahun 2024. **Kadar Bekerja Graduan** ialah perkadaran graduan baharu yang bekerja kepada bilangan graduan dalam tenaga buruh.


8.2.1 Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara), 2020–2024

- Bagi tempoh lima (5) tahun kajian, kadar bekerja graduan menunjukkan peningkatan setiap tahun, kecuali tahun 2023, menurun sebanyak 0.2 peratus. Kadar bekerja graduan pada tahun 2024 ialah 92.5 peratus, iaitu meningkat sebanyak 1.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. [Carta 8.2a]




8.2.1.1 Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2020–2024

- Secara keseluruhan, kadar bekerja graduan lelaki adalah lebih tinggi berbanding graduan perempuan bagi tempoh lima (5) tahun.
- Pada tahun 2024, kadar bekerja graduan lelaki ialah 93.5 peratus (96,206 graduan), iaitu 1.9 peratus melebihi graduan perempuan (91.6%: 118,192 graduan). [Carta 8.2b]




8.2.1.2 Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan PhD dan sarjana bagi tempoh lima (5) tahun kajian ialah sekitar 90.0 peratus dengan peratusan tertinggi ialah 96.1 peratus bagi graduan PhD (tahun 2022 dan 2024). Bagi graduan sarjana, peratus tertinggi ialah pada tahun 2024, iaitu 96.8 peratus.
- Kadar belum bekerja bagi graduan sarjana merekodkan trend penurunan dari tahun 2020 hingga tahun 2024. Graduan PhD turut menunjukkan penurunan pada tahun 2020 hingga 2022, kemudian meningkat kepada 4.8 peratus pada tahun 2023 dan menurun semula kepada 3.9 peratus pada tahun 2024. [Carta 8.2c]



- Kadar bekerja graduan bagi tiga (3) kumpulan terbesar graduan IPT negara, iaitu peringkat ijazah pertama, diploma dan sijil ditunjukkan pada Carta 8.2d.
- Kadar bekerja graduan ijazah pertama merekodkan peningkatan dalam tempoh lima (5) tahun dengan peratus tertinggi ialah pada tahun 2024, iaitu 93.0 peratus.
- Bagi graduan diploma, peratus kadar bekerja tertinggi ialah pada tahun 2022, iaitu 89.1 peratus.
- Kadar bekerja bagi graduan sijil merekodkan peningkatan pada tahun 2022 (92.1%) kepada 95.7% pada tahun 2024.
- Kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama, diploma dan sijil pada tahun 2024 merekodkan penurunan berbanding tahun 2023.



8.2.1.3 Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian, 2020–2024

- Pada tahun 2024, peratus tertinggi kadar bekerja graduan ialah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu 94.9 peratus, diikuti bidang teknologi maklumat & komunikasi (93.7%) dan kesihatan & kebajikan sebanyak 92.6 peratus.
- Hanya dua (2) bidang pengajian merekodkan kadar bekerja graduan kurang daripada 90.0 peratus, iaitu bidang perkhidmatan (89.9%) dan pendidikan sebanyak 89.8 peratus [Jadual 8h].

Jadual 8h

Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian, 2020–2024

Bidang pengajian	Tahun (%)				
	2020	2021	2022	2023	2024
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	85.5	88.1	92.9	93.7	94.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	85.8	87.3	92.3	92.3	93.7
Kesihatan dan kebajikan	84.0	88.3	91.5	91.3	92.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	78.1	83.7	89.5	90.4	92.5
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	83.3	84.1	90.3	90.3	92.2
Sastera dan kemanusiaan	81.5	83.6	89.6	88.2	90.8
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	78.6	81.1	90.1	88.9	90.8
Program dan kelayakan generik	-	-	-	94.8	90.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	76.6	76.9	86.6	86.1	90.0
Perkhidmatan	83.5	82.8	90.0	88.9	89.9
*Pendidikan	83.7	83.5	91.2	88.5	89.8











*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

8.2.1.4 Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin, 2020–2024

- Majoriti negeri bermastautin merekodkan kadar bekerja graduan melebihi 90.0 peratus pada tahun 2024, dengan peratusan tertinggi ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya (95.3%), diikuti Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing sebanyak 94.0 peratus.
- Hanya dua (2) negeri menunjukkan kadar bekerja graduan kurang daripada 90.0 peratus pada tahun 2024, iaitu Kelantan dan Sabah masing-masing 89.1 peratus dan 89.0 peratus. [Jadual 8i]

Jadual 8i

Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin, 2020–2024

Negeri bermastautin	Tahun (%)				
	2020	2021	2022	2023	2024
 WP Putrajaya	91.7	93.6	96.5	96.3	95.3
 Selangor	86.8	89.2	92.9	92.6	94.0
 WP Labuan	84.3	87.4	90.2	90.5	94.0
 Johor	87.0	87.0	92.5	91.9	93.9
 WP Kuala Lumpur	87.0	89.3	93.4	93.1	93.9
 Pulau Pinang	87.7	89.7	93.8	93.3	93.5
 Melaka	85.6	86.1	92.3	91.0	93.3
 Negeri Sembilan	83.9	85.0	91.2	91.1	93.0
 Pahang	84.0	82.9	89.3	89.3	92.1
 Perak	80.5	82.3	89.7	89.5	91.7
 Kedah	83.2	83.6	90.9	90.1	91.2
 Perlis	79.9	84.0	89.6	89.1	90.5
 Terengganu	81.1	81.9	88.1	88.1	90.2
 Sarawak	78.3	81.8	87.6	88.2	90.2
 Kelantan	78.2	76.8	86.9	86.9	89.1
 Sabah	73.5	76.3	85.9	86.6	89.0

Nota : Susunan mengikut kadar bekerja graduan tertinggi 2024.

8.2.1.5 Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan pada 2024 bagi semua kumpulan pendapatan bulanan keluarga merekodkan peningkatan antara 1.5 hingga 1.9 peratus berbanding tahun 2023. Peratusan tertinggi kadar bekerja graduan ialah pada julat pendapatan RM8,501 dan ke atas, iaitu sebanyak 93.9 peratus. [Carta 8.2e]

Carta 8.2e

Trend Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Kategori Pendapatan Bulanan Keluarga, 2020–2024

Kategori pendapatan bulanan keluarga (%)

RM4,000 dan ke bawah

RM4,001 – RM8,500

RM8,501 dan ke atas

2020

83.0

2021

83.8

2022

90.3

2023

90.1

2024

91.8

85.2

87.6

92.1

91.8

93.3

86.2

89.9


93.6

92.0


93.9

8.2.2 Trend Kadar Bekerja Graduan UA (Warganegara), 2020–2024

- Secara keseluruhannya, bagi tempoh lima (5) tahun kajian, kadar bekerja graduan UA menunjukkan peningkatan setiap tahun.
- Pada tahun 2024, kadar bekerja graduan UA ialah 94.9 peratus, meningkat sebanyak 1.8 peratus berbanding 93.1 peratus pada 2023.
- Peratusan graduan belum bekerja bagi tempoh lima (5) tahun menurun, iaitu 15.4 peratus pada tahun 2020 kepada 5.1 peratus pada tahun 2024. [Carta 8.2f]



- Kadar bekerja graduan peringkat PhD dan sarjana di UA merekodkan peratusan melebihi 90.0 peratus bagi tempoh lima (5) tahun. Pada tahun 2024, kadar bekerja graduan PhD ialah 96.2 peratus dan sarjana ialah 97.1 peratus
- Peratus belum bekerja graduan bagi kedua-dua peringkat ini pula menurun dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2024, kadar belum bekerja graduan PhD ialah 3.8 peratus dan sarjana ialah 2.9 peratus. [Carta 8.2g]




- Kadar bekerja graduan peringkat ijazah pertama dan diploma di UA pada 2024 masing-masing ialah 94.9 peratus dan 92.0 peratus, iaitu merupakan rekod tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Kadar bekerja terendah ialah pada tahun 2020 bagi kedua-dua peringkat pengajian, iaitu masing-masing 83.9 peratus dan 78.4 peratus.
- Kadar belum bekerja tahun 2024 bagi graduan ijazah pertama dan diploma merekodkan peratusan terendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu masing-masing 5.1 peratus dan 8.0 peratus. [Carta 8.2h]




8.2.3 Trend Kadar Bekerja Graduan IPTS (Warganegara), 2020-2024


- Kadar bekerja graduan IPTS pada tahun 2024 ialah 87.2 peratus, merekodkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus berbanding tahun 2023.
- Kadar belum bekerja graduan IPTS pula merekodkan penurunan, iaitu 12.8 peratus pada tahun 2024 berbanding 14.7 peratus pada tahun 2023. [Carta 8.2i]



- Pada tahun 2024, kadar bekerja graduan PhD (95.1%) dan sarjana (96.1%) IPTS, masing-masing merekodkan peningkatan sebanyak 2.0 peratus dan 1.1 peratus berbanding tahun 2023.
- Kadar belum bekerja graduan PhD IPTS menurun kepada 4.9 peratus pada tahun 2024 berbanding 6.9 peratus pada tahun 2023 dan bagi sarjana juga menurun dari 5.0 peratus tahun 2023 kepada 3.9 peratus pada tahun 2024. [Carta 8.2j]




- Kadar bekerja graduan ijazah pertama IPTS menunjukkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus kepada 89.4 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. Bagi graduan diploma, kadar bekerja juga meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada 80.9 peratus tahun 2024 berbanding 80.0 peratus pada tahun 2023.
- Kadar belum bekerja graduan ijazah pertama IPTS pada tahun 2024 merupakan peratusan terendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu 10.6 peratus. Bagi graduan diploma, kadar belum bekerja menurun kepada 19.1 peratus pada tahun 2024 berbanding 20.0 peratus pada tahun 2023. [Carta 8.2k]




8.2.4 Trend Kadar Bekerja Graduan Politeknik, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan politeknik menunjukkan trend peningkatan setiap tahun bagi tempoh lima (5) tahun kajian dengan peratus tertinggi ialah pada tahun 2024, iaitu 98.8 peratus meningkat sebanyak 0.9 peratus berbanding tahun 2023.
- Kadar belum bekerja pula menunjukkan trend penurunan setiap tahun, dengan peratus terendah dicatat pada tahun 2024, iaitu 1.2 peratus berbanding 2.1 peratus pada tahun 2023. [Carta 8.2i]



8.2.5 Trend Kadar Bekerja Graduan Kolej Komuniti, 2020–2024

- Bagi kolej komuniti, kadar bekerja graduan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun dengan peratusan tertinggi ialah pada tahun 2024, iaitu 98.8 peratus
- Kadar belum bekerja pula merekodkan trend penurunan dalam tempoh lima (5) tahun dengan peratus terendah ialah pada tahun 2024, iaitu 1.2 peratus. [Carta 8.2m]



8.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara) dalam Tenaga Buruh, 2020–2024

- Bagi tahun 2024, dalam kalangan graduan belum bekerja yang berada dalam tenaga buruh, sebanyak 97.6 peratus menyatakan sedang mencari pekerjaan.
- Sebanyak 2.0 peratus graduan 2024 yang belum bekerja menyatakan pekerjaan yang ditawarkan tidak sesuai dan 0.4 peratus pula enggan berpindah ke tempat lain. [Jadual 8j]

Jadual 8j

Trend Sebab Belum Bekerja Graduan (Warganegara) dalam Tenaga Buruh, 2020–2024

Sebab belum bekerja	Tahun (%)				
	2020 (n= 30,706)	2021 (n= 30,597)	2022 (n= 20,030)	2023 (n= 20,815)	2024 (n= 17,443)
Sedang mencari pekerjaan	96.2	99.3	98.8	97.3	97.6
Enggan berpindah ke tempat lain	0.5	0.3	0.6	0.4	0.4
Pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian	3.3	0.4	0.6	2.3	2.0

n= Jumlah responden dalam tenaga buruh yang belum bekerja

8.4 Trend Graduan Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan (10 Tertinggi), 2020–2024

- Sebahagian besar graduan luar tenaga buruh menyatakan sebab tidak mencari pekerjaan ialah melanjutkan pengajian, iaitu melebihi 63.0 peratus dalam tempoh lima (5) tahun, dengan peratus tertinggi ialah pada tahun 2024 (69.7%).
- Peratus kedua tertinggi pada tahun 2024 ialah menunggu penempatan pekerjaan bagi sebab belum bekerja, iaitu 12.0 peratus, diikuti sedang mengikuti kursus peningkatan kemahiran (6.7%) dan menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian sebanyak 4.8 peratus.

Jadual 8k

Trend Graduan Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan (10 Tertinggi), 2020–2024

Sebab tidak mencari pekerjaan (10 tertinggi)	Tahun (%)				
	2020 (n= 73,470)	2021 (n= 79,446)	2022 (n= 71,480)	2023 (n= 76,851)	2024 (n= 80,535)
Melanjutkan pengajian	63.0	67.7	68.7	65.7	69.7
Menunggu penempatan pekerjaan (telah menerima tawaran pekerjaan)	16.4	12.0	12.2	13.2	12.0
Sedang mengikuti kursus peningkatan kemahiran	7.2	6.6	6.5	7.6	6.7
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	3.3	3.6	3.3	5.8	4.8
Berehat/melancong/bercuti	3.7	3.9	4.3	3.0	3.1
Tanggungjawab terhadap keluarga	2.5	2.3	2.1	2.1	1.7
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	0.8	0.8	0.8	0.7	0.6
Memilih untuk tidak bekerja	1.3	1.1	0.8	0.6	0.5
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan (termasuk masalah komunikasi/ <i>soft skills</i>)	0.8	0.9	0.6	0.6	0.4
Tidak dibenarkan untuk bekerja (oleh keluarga)	0.2	0.6	0.3	0.3	0.2

n= Jumlah responden luar tenaga buruh



BAB 9

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN WARGANEGARA 2020-2024

- 9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2020-2024
- 9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2024
- 9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2020-2024
- 9.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2020-2024
- 9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2020-2024
- 9.6 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2020-2024

Muka surat ini dibiarkan kosong.


Bab 9 membincangkan trend maklumat pekerjaan graduan warganegara bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2020 hingga 2024. Maklumat yang dibentangkan ialah taraf pekerjaan, pendapatan bulanan graduan mengikut peringkat pengajian, sektor pekerjaan, sektor ekonomi utama yang diceburi dan kumpulan pekerjaan. Di samping itu, dibincangkan juga maklumat pekerjaan graduan usahawan yang merangkumi graduan bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan, tidak termasuk graduan yang bekerja sebagai penghantar barang dan pemandu e-hailing.

9.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2020–2024

- Secara keseluruhan majoriti, iaitu lebih daripada 68.0 peratus graduan merupakan pekerja swasta (termasuk NGO). Peratus tertinggi ialah pada tahun 2022, iaitu 72.7 peratus, diikuti tahun 2021 (70.2%) dan 70.0 peratus pada tahun 2023, menurun kepada 69.9 peratus pada tahun 2024.
- Peratusan pekerja kerajaan merekodkan penurunan bermula tahun 2022 hingga tahun 2024, iaitu 14.0 peratus pada tahun 2022 kepada 13.2 peratus pada tahun 2024.
- Kadar graduan usahawan pada tahun 2024, ialah 10.9 peratus berbanding 11.0 peratus pada tahun 2023. Penurunan ketara kadar graduan usahawan ialah pada tahun 2021, iaitu sebanyak 5.5 peratus kepada 9.7 peratus berbanding tahun 2020 (15.2%). Bermula tahun 2024, graduan bekerja sendiri (e+p hailing) tidak termasuk dalam kumpulan usahawan, iaitu sebanyak 0.3 peratus.
- Graduan yang bekerja dengan keluarga menunjukkan kadar yang hampir sama bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu antara 5.1 peratus dan 5.9 peratus. Peratusan tertinggi ialah pada tahun 2020 (5.9%) menurun kepada 5.4 peratus pada tahun 2021 dan 5.1 peratus pada tahun 2022, kemudian meningkat pada tahun 2023 dan tahun 2024.

Carta 9.1a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2020–2024



n= Jumlah responden yang bekerja

*Melibatkan graduan yang bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan.


Nota : Bermula tahun 2024, bekerja sendiri (e+p hailing) tidak termasuk dalam kumpulan usahawan.

9.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

Pendapatan bulanan graduan dibincangkan mengikut peringkat pengajian, melibatkan lima (5) kumpulan peringkat pengajian terbesar, iaitu graduan PhD, sarjana, ijazah pertama, diploma dan sijil.


9.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2020–2024

- Pada tahun 2024, peratus tertinggi graduan PhD berada dalam julat pendapatan RM5,001 – RM10,000, iaitu 56.8 peratus, diikuti julat lebih daripada RM10,000 (14.1%), RM4,001 – RM5,000 (8.2%) dan RM3,001 – RM4,000 sebanyak 7.6 peratus.
- Peratusan graduan PhD yang berada dalam julat pendapatan RM2,000 & ke bawah merekodkan penurunan secara beransur-ansur, iaitu sebanyak 10.7 peratus pada tahun 2020 kepada 6.9 peratus pada tahun 2024.
- Manakala peratusan graduan PhD yang berada dalam julat pendapatan lebih daripada RM10,000 menunjukkan peningkatan dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu dari 7.6 peratus pada tahun 2020 kepada 14.1 peratus pada tahun 2024. [Carta 9.2a]




9.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2020–2024

- Bagi kategori julat pendapatan yang lebih rendah (RM2,000 & ke bawah dan RM2,001 – RM3,000) merekodkan penurunan, sementara kategori yang lebih tinggi (RM5,001 – RM10,000 dan lebih daripada RM10,000) menunjukkan peningkatan bagi tempoh lima (5) tahun.
- Pada tahun 2024, peratus tertinggi graduan sarjana ialah pada julat pendapatan RM5,001 – RM10,000, iaitu 37.6 peratus, diikuti julat RM3,001 – RM4,000 (18.2%), RM4,001 – RM5,000 (14.4%) dan RM2,001 – RM3,000 sebanyak 11.4 peratus. [Carta 9.2b]




9.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2020-2024

- Peratus graduan ijazah pertama yang memperoleh pendapatan RM1,000 & ke bawah menunjukkan penurunan, iaitu 12.9 peratus pada tahun 2020 kepada 6.9 peratus pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023 merekodkan sedikit kenaikan daripada tahun sebelum, iaitu sebanyak 0.3 peratus kepada 8.0 peratus.
- Bagi tahun 2024, peratusan tertinggi graduan ijazah pertama berada dalam julat pendapatan RM2,001 – RM3,000, iaitu 35.7 peratus, diikuti julat RM3,001 – RM4,000 (22.7%) dan RM1,001 – RM2,000 sebanyak 23.7 peratus. [Carta 9.2c]




9.2.4 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2020-2024

- Peratus graduan diploma memperoleh pendapatan RM1,000 & ke bawah merekodkan penurunan dari 17.2 peratus pada tahun 2020 kepada 7.9 peratus pada tahun 2024.
- Sebahagian besar graduan diploma pada tahun 2024 berada dalam julat pendapatan RM1,001 – RM2,000, iaitu 58.3 peratus. [Carta 9.2d]



9.2.5 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2020–2024

- Secara keseluruhannya, empat (4) julat pendapatan bagi graduan sijil menunjukkan trend peningkatan setiap tahun, iaitu bagi julat RM2,001 – RM3,000, RM3,001 – RM4,000, RM4,001 – RM5,000 dan lebih daripada RM5,000.
- Sebahagian besar graduan sijil tahun 2024 berada dalam julat pendapatan RM1,001 – RM2,000, iaitu 63.9 peratus, diikuti 15.8 peratus dalam julat RM2,001 – RM3,000 dan 15.2 peratus dalam julat RM1,000 dan ke bawah. [Carta 9.2e]



9.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2020–2024

- Lebih daripada 50.0 peratus graduan bekerja dalam syarikat tempatan bagi tempoh lima (5) dengan peratusan tertinggi, iaitu 53.8 peratus pada tahun 2020, diikuti sebanyak 52.9 peratus pada tahun 2021 dan 51.5 peratus pada tahun 2024.
- Syarikat multinasional menjadi pilihan kedua tertinggi graduan yang bekerja pada tahun 2024, iaitu sebanyak 15.4 peratus. Peratus ini menurun sedikit berbanding tahun 2023 (15.8%).
- Graduan yang bekerja dalam sektor Kerajaan merekodkan penurunan sebanyak 0.5 peratus pada tahun 2024 (11.0%) berbanding 11.4 peratus pada tahun 2023.
- Graduan yang menceburi sektor ekonomi gig meningkat sebanyak 0.3 peratus pada tahun 2024, iaitu kepada 8.6 peratus berbanding tahun 2023 (8.3%).
- Graduan yang bekerja dalam sektor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) menunjukkan penurunan setiap tahun dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu kepada 7.5 peratus pada tahun 2024 berbanding 9.5 peratus pada tahun 2021 dan 2022.
- Sektor Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan berkanun tidak menunjukkan perubahan ketara dengan masing-masing merekodkan antara 3.5 hingga 4.2 peratus dan 2.2 hingga 3.0 peratus graduan berada dalam kedua-dua sektor tersebut.

Carta 9.3a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan, 2020–2024

	Syarikat tempatan	Syarikat multinasional	Kerajaan (Persekutuan/Tempatan)	*Ekonomi Gig	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	Badan berkanun
2024 (n= 214,398)	51.5%	15.4%	11.0%	8.6%	7.5%	3.7%	2.2%
2023 (n= 206,800)	50.4%	15.8%	11.4%	8.3%	7.9%	3.8%	2.4%
2022 (n= 177,240)	51.4%	18.7%	13.1%	-	9.5%	4.2%	3.0%
2021 (n= 149,496)	52.9%	16.5%	14.2%	-	9.5%	4.0%	3.0%
2020 (n= 123,452)	53.8%	16.4%	10.8%	-	13.1%	3.5%	2.4%

n= Pada tahun 2020–2022 hanya merangkumi responden pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO). Bermula tahun 2023 merangkumi semua responden bekerja.


*Contoh : Grab/FoodPanda/Lalamove/Dropship Agent/Personal Shopper dll.

9.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2020–2024

- Sebahagian besar graduan, iaitu antara 77.3 hingga 80.4 peratus menceburi sektor perkhidmatan yang menunjukkan peningkatan dalam tempoh empat (4) tahun. Walaubagaimanapun peratus ini menurun sedikit kepada 80.2 peratus pada tahun 2024. Sektor utama ini mempunyai 17 sub sektor seperti sektor pendidikan, sektor aktiviti profesional, saintifik & teknikal, sektor penginapan & aktiviti perkhidmatan makanan & minuman dan sebagainya.
- Sektor pembuatan merupakan sektor ekonomi kedua tertinggi yang diceburi graduan, namun sektor ekonomi ini merekodkan trend penurunan dari 14.6 peratus pada tahun 2020 kepada 10.6 peratus pada tahun 2024.
- Sektor pembinaan merekodkan trend peningkatan setiap tahun dengan 6.8 peratus pada tahun 2024.
- Sektor pertanian dan perlombongan & pengkuarian merekodkan peratusan yang kecil bagi graduan bekerja dalam kedua-dua sektor ini.

Carta 9.4a

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2020–2024



n= Jumlah responden bekerja

9.5 Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2020–2024

- Bagi tiga (3) kumpulan pekerjaan mahir, peratusan graduan yang bekerja dalam kumpulan profesional menunjukkan peningkatan, iaitu 37.2 peratus pada tahun 2020 kepada 44.8 peratus pada tahun 2024. Bagi kumpulan juruteknik & profesional bersekutu pula menunjukkan trend penurunan, iaitu dari 20.1 peratus pada tahun 2020 kepada 17.7 peratus pada tahun 2024. Graduan yang bekerja dalam kumpulan pengurus pada tahun 2024 (3.5%) meningkat sedikit berbanding tahun sebelumnya (3.3%).
- Bagi kumpulan pekerjaan yang berada dalam kategori separuh mahir, sebanyak 11.9 hingga 12.8 peratus graduan berada dalam kumpulan pekerja perkhidmatan & jualan dan kumpulan pekerja sokongan perkeranian. Ini diikuti kumpulan pekerjaan operator mesin & loji, & pemasang adalah sebanyak 2.3 hingga 3.7 peratus, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan (sekitar 2.8 hingga 3.5 peratus) dan pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan adalah antara 0.3 hingga 0.6 peratus.
- Terdapat juga sekitar 3.9 hingga 4.9 peratus graduan bekerja dalam kumpulan pekerja asas dengan peratusan tertinggi ialah pada tahun 2021.

Jadual 9a

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan, 2020–2024

Kumpulan pekerjaan	Tahun (%)				
	2020 (n=132,682)	2021 (n=175,038)	2022 (n=204,452)	2023 (n=206,800)	2024 (n=214,398)
Pengurus	7.7	3.6	3.3	3.3	3.5
Profesional	37.2	40.5	42.6	43.1	44.8
Juruteknik dan profesional bersekutu	20.1	18.4	18.7	18.5	17.7
Pekerja sokongan perkeranian	11.2	12.5	12.1	11.9	11.4
Pekerja perkhidmatan dan jualan	11.9	12.5	12.5	12.8	12.5
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.3	0.6	0.5	0.4	0.5
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	3.5	3.2	2.8	2.9	3.3
Operator mesin dan loji, dan pemasang	3.7	3.4	2.9	2.3	2.3
Pekerja asas	3.9	4.9	4.3	4.0	3.9
Angkatan tentera	0.4	0.5	0.3	0.6	0.3

n= Jumlah responden bekerja

Nota:

- 1) 2020 – tidak termasuk graduan bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan
- 2) 2021 – seramai 1,218 graduan tiada maklumat kerana perubahan soal selidik
- 3) 2022 hingga 2024 – merangkumi semua graduan bekerja

- Peratusan graduan dalam kumpulan pekerja mahir mencatatkan trend menaik bagi tahun 2022 hingga 2024 dengan tertinggi adalah pada tahun 2024 (66.1%).
- Peratusan graduan pekerja separuh mahir mencatatkan penurunan, iaitu daripada 30.8 peratus pada tahun 2022 kepada 30.0 peratus pada tahun 2024.
- Begitu juga peratusan bagi kumpulan berkemahiran rendah turut merekodkan penurunan sejak tahun 2021, iaitu 4.9 peratus kepada 3.9 peratus pada tahun 2024.

Jadual 9b

Trend Tahap Kemahiran Graduan, 2020–2024


Tahap kemahiran	Tahun (%)				
	2020 (n= 132,117)	2021 (n= 174,217)	2022 (n= 203,897)	2023 (n= 205,608)	2024 (n= 213,800)
Mahir	65.3	62.8	64.9	65.4	66.1
Separuh mahir	30.8	32.3	30.8	30.6	30.0
Berkemahiran rendah	3.9	4.9	4.3	4.0	3.9

n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan dalam kumpulan angkatan tentera

9.6 Trend Kadar Graduan Menceburi Keusahawanan, 2020–2024

- Graduan usahawan dalam laporan ini merangkumi graduan bekerja sendiri, *freelance* atau sebagai majikan. Bermula tahun 2024, definisi operasi bagi kadar graduan usahawan juga telah dimurnikan dengan mengecualikan pekerja pemandu (e-hailing) dan penghantar makanan/barangan (p-hailing) disebabkan kumpulan tersebut tidak menepati tiga (3) syarat asas usahawan, iaitu *set up*, *managing* dan *upscale business*.
- Pada tahun 2020, kadar graduan usahawan merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 15.2 peratus dan kemudian menurun kepada 9.7 peratus pada tahun 2021 dan 8.2 peratus pada tahun 2022.
- Seterusnya, kadar graduan usahawan meningkat kepada 11.0 peratus pada tahun 2023 dan menurun kepada 10.9 peratus pada tahun 2024.



9.6.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan, 2020–2024

- Bagi graduan yang menceburi bidang keusahawanan, peratus yang berpendapatan RM2,000 & ke bawah menunjukkan trend penurunan, dari 80.6 peratus pada tahun 2020 kepada 66.4 peratus pada tahun 2024.
- Peratusan graduan yang memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM3,001 merekodkan peningkatan pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya bagi setiap julat pendapatan bulanan.

Jadual 9c Trend Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan, 2020–2024

Pendapatan bulanan	Tahun (%)				
	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)	2022 (n= 16,856)	2023 (n= 22,689)	2024 (n= 23,400)
RM1,000 dan ke bawah	42.2	39.2	31.2	34.4	30.8
RM1,001 – RM2,000	38.4	34.5	35.7	35.2	35.6
RM2,001 – RM3,000	12.3	14.8	17.3	15.8	15.8
RM3,001 – RM4,000	2.9	5.0	6.8	6.4	8.3
RM4,001 – RM5,000	1.7	2.3	2.9	2.9	3.1
RM5,001 dan ke atas	2.5	4.2	6.0	5.3	6.5

n= Jumlah responden bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan

9.6.2 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan Usahawan, 2020-2024

- Peratusan graduan usahawan yang menceburi sektor perkhidmatan mencatatkan peningkatan dari tahun 2020 (78.7%) hingga 2022 (83.5%), menurun kepada 83.0 peratus pada tahun 2023 dan 82.6 peratus pada tahun 2024.
- Sektor pembuatan merupakan sektor kedua tertinggi pilihan graduan usahawan, iaitu antara 8.8 hingga 13.6 peratus. Pada tahun 2024, sektor ini merekodkan penurunan sebanyak 0.9 peratus kepada 9.0 peratus berbanding 9.9 peratus pada tahun 2023.
- Sebanyak 3.7 hingga 5.3 peratus graduan usahawan berada dalam sektor pembinaan. Pada tahun 2024, sektor ini merekodkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus kepada 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Peratusan graduan usahawan yang memilih sektor pertanian ialah antara 2.7 hingga 3.7 peratus manakala sektor perlombongan & pengkuarian kekal sebanyak 0.1 peratus bagi tempoh empat (4) tahun dan meningkat kepada 0.2 peratus pada tahun 2024.

Jadual 9d

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan Usahawan, 2020-2024

Sektor ekonomi	Tahun (%)				
	2020 (n= 23,843)	2021 (n= 17,156)	2022 (n=1 6,856)	2023 (n= 22,689)	2024 (n= 23,400)
Perkhidmatan	78.7	83.1	83.5	83.0	82.6
Pembuatan	13.6	9.1	8.8	9.9	9.0
Pembinaan	3.7	4.4	4.8	4.3	5.3
*Pertanian	3.7	3.3	2.8	2.7	3.0
Perlombongan & pengkuarian	0.1	0.1	0.1	0.1	0.2

n= Jumlah responden bekerja

*Pertanian merujuk kepada sektor ekonomi pertanian, perhutanan dan perikanan.



BAB 10

TREND KELUARAN DAN KADAR BEKERJA GRADUAN TVET (TIDAK TERMASUK MTUN), 2020-2024

10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2020-2024

10.2 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET, 2020-2024

10.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan TVET dalam Tenaga Buruh, 2020-2024

10.4 Trend Graduan TVET Luar Tenaga Buruh, 2020-2024

Muka surat ini dibiarkan kosong.


Kajian Pengesanan Graduan TVET (tidak termasuk MTUN) mula dilaksanakan pada tahun 2018 yang melibatkan semua Kementerian yang memiliki Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Selain Kementerian Pendidikan Tinggi, kementerian lain yang mempunyai ILKA adalah:

- i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- ii) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)
- iii) Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- iv) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)
- v) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
- vi) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)
- vii) Kementerian Kerja Raya (KKR)

Kaji selidik ini melibatkan graduan warganegara peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga ijazah pertama (tahap 6). Bab ini memperihalkan profil graduan, trend keluaran, kadar bekerja graduan dan maklumat pekerjaan terpilih graduan TVET bagi tempoh lima (5) tahun (2020–2024).


10.1 Trend Penyertaan ILKA dan Graduan TVET, 2020–2024

- Bilangan ILKA yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan TVET menunjukkan trend meningkat dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu dari 540 ILKA pada tahun 2020 kepada 558 ILKA pada tahun 2024.
- Keluaran graduan TVET merekodkan peningkatan bermula tahun 2022, iaitu dari 68,052 graduan kepada 75,888 graduan pada tahun 2024. **[Carta 10.1a]**
- Kadar respons tertinggi dicatatkan pada tahun 2024, iaitu sebanyak 94.7 peratus, diikuti 93.7 peratus pada tahun 2023 dan 92.0 peratus pada tahun 2022.




10.1.1 Trend Graduan TVET Mengikut Jantina, 2020–2024

- Majoriti keluaran graduan TVET ILKA adalah lelaki yang menunjukkan trend peningkatan keluaran setiap tahun kecuali pada tahun 2023, iaitu keluaran graduan lelaki menurun berbanding tahun sebelumnya.
- Peratus tertinggi keluaran graduan lelaki ialah pada tahun 2024, iaitu 65.7 peratus, diikuti tahun 2022 (62.7%) dan 61.2 peratus pada tahun 2023.
- Manakala bagi graduan perempuan, peratusan tertinggi ialah pada tahun 2020, iaitu 39.9 peratus. [Carta 10.1b]



10.1.2 Trend Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

- Majoriti graduan TVET adalah keluaran peringkat diploma, iaitu melebihi 56.0 peratus dalam tempoh lima (5) tahun. Peratus graduan diploma menunjukkan trend penurunan bermula tahun 2022, iaitu dari 64.1 peratus kepada 56.4 peratus pada tahun 2024.
- Manakala peratus graduan peringkat sijil meningkat bermula tahun 2022.
- Keluaran graduan TVET peringkat ijazah pertama kekal sama dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu pada kadar 0.2 peratus.



10.1.3 Trend Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2020–2024

- Majoriti graduan TVET ILKA adalah keluaran dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dengan peningkatan keluaran graduan sebanyak 16.3 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. [Jadual 10a]
- Keluaran graduan bidang sains semulajadi, matematik & statistik merekodkan peningkatan ketara (40.2%) pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 dengan keluaran sebanyak 117 graduan. Ini diikuti bidang pendidikan dengan peningkatan sebanyak 35.6 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 10a

Trend Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2020–2024

Bidang pengajian	2020	2021	2022	2023	2024	Peratus perubahan tahunan 2024 (%)
	Bil.					
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	50,465	46,290	43,343	42,716	49,680	16.3
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	9,439	9,047	8,119	9,295	7,345	-21.0
Perkhidmatan	8,508	7,187	5,141	6,551	6,077	-7.2
Sastera dan kemanusiaan	3,001	3,565	4,027	5,262	5,114	-2.8
Teknologi maklumat dan komunikasi	4,640	4,367	4,906	5,209	4,317	-17.1
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,699	2,150	1,700	1,917	1,717	-10.4
*Pendidikan	655	640	477	933	1,265	35.6
Kesihatan dan kebajikan	143	217	230	180	209	16.1
Sains semulajadi, matematik dan statistik	105	32	109	117	164	40.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	-	-	219	-	-
Jumlah	78,655	73,495	68,052	72,399	75,888	4.8

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

10.2 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET, 2020–2024


Bab ini memperincikan kadar bekerja graduan TVET ILKA yang berada dalam pasaran buruh.

10.2.1 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan TVET merekodkan trend peningkatan setiap tahun dalam tempoh lima (5) tahun. Peratusan tertinggi kadar bekerja ialah pada tahun 2024, iaitu 95.0 peratus, diikuti tahun 2023 (94.8%) dan 93.1 peratus pada tahun 2022.
- Peningkatan tertinggi kadar bekerja graduan ialah pada tahun 2022, iaitu sebanyak 4.8 peratus. [Carta 10.2a]

Carta 10.2a

Trend Kadar Bekerja Graduan TVET, 2020–2024



10.2.2 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Jantina, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan lelaki lebih tinggi berbanding perempuan dalam tempoh lima (5) tahun, kecuali pada tahun 2023.
- Pada tahun 2024, kadar bekerja graduan lelaki ialah 95.2 peratus dan graduan perempuan ialah 94.5 peratus.


Jadual 10b Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Jantina, 2020–2024

Jantina	2020		2021		2022		2023		2024	
	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)
Lelaki	31,908	88.4	30,532	88.7	30,409	93.2	31,813	94.7	35,083	95.2
Perempuan	22,435	86.5	19,909	87.7	19,012	93.0	21,169	94.9	19,078	94.5
Keseluruhan	54,343	87.7	50,441	88.3	49,421	93.1	52,982	94.8	54,161	95.0

n= Jumlah responden

10.2.3 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan TVET pada tahun 2024 melebihi 94.0 peratus bagi semua peringkat pengajian. Peratusan tertinggi ialah graduan peringkat ijazah pertama, iaitu 99.4 peratus, diikuti diploma lanjutan dan sijil lanjutan masing-masing 98.7 peratus dan sijil sebanyak 95.8 peratus.



10.2.4 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2020–2024

- Semua bidang pengajian merekodkan kadar bekerja melebihi 80.0 peratus pada tahun 2024. Peratusan tertinggi ialah dalam bidang sains semulajadi, matematik & statistik, iaitu 97.8 peratus, diikuti sastera & kemanusiaan (96.9%) dan perkhidmatan sebanyak 96.6 peratus.
- Bidang pendidikan mencatatkan kadar bekerja graduan terendah pada tahun 2024, iaitu 80.7 peratus.

Jadual 10c

Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Bidang Pengajian, 2020–2024

Bidang pengajian	2020		2021		2022		2023		2024	
	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)
Sains semulajadi, matematik dan statistik	59	88.1	17	76.5	63	87.3	76	100.0	90	97.8
Sastera dan kemanusiaan	2,313	91.6	2,801	90.6	3,054	93.1	4,036	96.2	3,925	96.9
Perkhidmatan	6,288	88.6	5,604	90.3	4,384	96.0	5,427	96.7	5,035	96.6
Teknologi maklumat dan komunikasi	3,240	88.0	2,909	87.3	3,410	93.0	3,461	95.4	2,618	96.5
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	7,074	89.5	6,536	90.1	6,219	94.3	7,120	95.3	5,335	96.3
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	33,419	87.5	30,352	88.7	30,479	93.1	30,434	94.8	34,737	95.1
Kesihatan dan kebajikan	117	89.7	166	83.7	196	86.2	143	93.7	171	89.5
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	1,306	71.6	1,573	73.9	1,257	81.5	1,396	83.5	1,263	82.8
*Pendidikan	527	78.6	483	56.3	359	83.3	738	84.6	987	80.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	-	-	-	-	-	-	151	99.3	-	-
Jumlah	54,343	87.7	50,441	88.3	49,421	93.1	52,982	94.8	54,161	95.0

n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

10.2.5 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin, 2020–2024

- Kadar bekerja graduan TVET pada tahun 2024 mengikut negeri bermastautin melebihi 91.0 peratus, dengan peratusan tertinggi ialah Johor (97.9%), diikuti Wilayah Persekutuan Putrajaya (97.5%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (96.8%).

Jadual 10d

Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Negeri Bermastautin, 2020–2024

Negeri bermastautin	2020		2021		2022		2023		2024	
	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)	n	Bekerja (%)
Johor	6,179	94.5	5,679	93.3	5,287	95.6	5,862	97.3	6,058	97.9
WP Putrajaya	194	94.8	148	94.6	164	96.3	234	99.1	242	97.5
WP Kuala Lumpur	1,956	91.2	1,866	92.1	2,013	94.5	2,111	96.5	1,970	96.8
Selangor	9,127	92.2	8,910	93.3	8,999	95.3	9,319	96.3	9,227	96.6
Melaka	2,022	91.9	1,893	90.6	1,607	94.8	1,840	96.0	1,874	96.4
WP Labuan	252	83.7	179	86.0	106	92.5	173	90.8	276	96.4
Pulau Pinang	3,046	92.0	2,233	91.8	2,835	97.0	3,586	96.7	2,905	96.1
Pahang	3,250	89.9	3,041	88.5	2,936	92.9	2,913	95.3	3,001	95.5
Perlis	610	84.4	574	86.9	463	92.9	758	92.9	708	95.1
Negeri Sembilan	2,270	89.7	2,100	89.7	1,965	92.4	2,260	96.4	2,230	95.0
Perak	4,563	86.1	4,079	87.3	4,202	93.6	4,114	93.3	4,131	94.8
Kedah	5,015	86.0	4,758	88.2	5,094	93.4	5,824	94.3	5,487	94.3
Sarawak	3,747	82.7	4,178	84.8	4,014	89.7	3,638	93.1	4,503	93.4
Terengganu	3,310	86.3	2,943	87.5	2,880	91.9	2,888	92.2	3,426	93.1
Sabah	4,176	72.6	3,848	76.5	3,266	85.5	3,950	91.1	4,309	92.2
Kelantan	4,404	83.0	3,953	81.0	3,530	90.5	3,482	92.5	3,795	91.2
Luar Negara	21	95.2	4	100.0	16	87.5	12	100.0	19	100.0
Jumlah	54,142	87.7	50,386	88.3	49,377	93.1	52,964	94.8	54,161	95.0

n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

10.2.6 Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga, 2020–2024

- Graduan yang berada dalam kumpulan keluarga berpendapatan RM4,001 – RM8,500 mencatatkan kadar bekerja graduan tertinggi pada tahun 2024, iaitu sebanyak 95.4 peratus, diikuti kumpulan pendapatan RM4,000 & ke bawah (94.9%) dan RM8,501 & ke atas sebanyak 94.7 peratus.

Carta 10.2c

Trend Kadar Bekerja Graduan TVET Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga, 2020–2024

Kategori pendapatan bulanan keluarga (%)

RM4,000 dan ke bawah

RM4,001 – RM8,500

RM8,501 dan ke atas

2020

87.6

2021

88.0

2022

92.9

2023

94.7

2024

94.9

88.5

89.5

93.8

95.2

95.4

86.7

92.2

94.6

94.7

94.7

10.3 Trend Sebab Belum Bekerja Graduan TVET dalam Tenaga Buruh, 2020–2024

- Sebahagian besar graduan TVET pada tahun 2024 yang belum bekerja menyatakan sedang mencari pekerjaan, iaitu 96.9 peratus, diikuti pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian (2.3%) dan enggan berpindah ke tempat lain sebanyak 0.7 peratus.

Jadual 10e

Trend Sebab Belum Bekerja bagi Graduan TVET dalam Tenaga Buruh, 2020–2024

Sebab belum bekerja	Tahun (%)				
	2020 (n= 6,708)	2021 (n= 5,897)	2022 (n= 3,403)	2023 (n= 2,760)	2024 (n= 2,719)
Sedang mencari pekerjaan	93.1	99.3	98.1	96.1	96.9
Pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian	5.6	0.1	0.4	2.9	2.3
Enggan berpindah ke tempat lain	1.4	0.6	1.5	1.1	0.7

n= Jumlah responden dalam tenaga buruh yang belum bekerja

10.4 Trend Graduan TVET Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan (10 Tertinggi), 2020–2024

- Graduan TVET ILKA yang melanjutkan pengajian menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu 68.8 peratus pada tahun 2020 kepada 84.8 peratus pada tahun 2024.
- Peratus kedua tertinggi bagi tempoh tersebut ialah menunggu penempatan pekerjaan, iaitu antara 5.2 peratus hingga 14.3 peratus, diikuti menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian dan sedang mengikuti kursus peningkatan kemahiran.

Jadual 10f

Trend Graduan TVET Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak Mencari Pekerjaan (10 Tertinggi), 2020–2024

Sebab tidak mencari pekerjaan (10 tertinggi)	Tahun (%)				
	2020 (n= 16,985)	2021 (n= 15,309)	2022 (n= 13,153)	2023 (n= 14,845)	2024 (n= 17,693)
Melanjutkan pengajian	68.8	76.0	79.4	80.5	84.8
Menunggu penempatan pekerjaan (telah menerima tawaran pekerjaan)	14.3	7.5	7.5	7.9	5.2
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	4.1	3.4	3.4	4.2	3.7
Sedang mengikuti kursus peningkatan kemahiran	1.8	3.2	3.3	3.0	2.6
Tanggungjawab terhadap keluarga	3.5	3.1	2.1	1.7	1.3
Berehat/melancong/bercuti	2.5	2.3	1.7	1.2	1.2
Sebab kesihatan (termasuk baru bersalin)	-	0.8	0.5	0.5	0.4
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan (termasuk masalah komunikasi/ <i>soft skills</i>)	0.7	0.7	0.4	0.3	0.3
Memilih untuk tidak bekerja	1.4	1.3	0.8	0.4	0.3
Tidak berminat untuk bekerja	0.3	0.3	0.2	0.1	0.1

n= Jumlah responden luar tenaga buruh

Muka surat ini dibiarkan kosong.



BAB 11

TREND MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN TVET (TIDAK TERMASUK MTUN), 2020-2024

- 11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2020-2024
- 11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2020-2024
- 11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2020-2024
- 11.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan TVET, 2020-2024
- 11.5 Trend Kumpulan Pekerjaan dan Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2020-2024

Muka surat ini dibiarkan kosong.

Bab ini membincangkan trend pekerjaan graduan TVET (tidak termasuk MTUN) dari tahun 2020 hingga 2024, merangkumi taraf pekerjaan, pendapatan, sektor industri dan tahap kemahiran. Maklumat ini bertujuan untuk memberikan perspektif lengkap mengenai senario pekerjaan graduan TVET dalam tempoh tersebut.

11.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2020–2024

- Sektor swasta kekal sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan kepada graduan baharu. Peratus graduan yang bekerja dalam sektor ini menunjukkan penurunan pada tahun 2023 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Bekerja dengan keluarga menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, manakala usahawan pula menunjukkan trend turun naik. Peratusan graduan yang bekerja sebagai pekerja kerajaan pula mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2021, sebelum menurun pada tahun-tahun berikutnya.
- Peratus graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) mencatatkan penurunan, iaitu daripada 71.6 peratus pada tahun 2020 kepada 70.0 peratus pada tahun 2024. Pada tahun 2021, peratusan graduan yang bekerja dalam kumpulan ini ialah 73.2 peratus meningkat kepada 75.3 peratus pada tahun 2022, kemudian menurun sebanyak 5.3 peratus (70.0%) pada tahun 2023 dan 2024.
- Pada tahun 2020, peratusan graduan yang bekerja sebagai usahawan adalah sebanyak 18.3 peratus, menurun kepada 13.1 peratus pada tahun 2021 dan 11.3 peratus pada tahun 2022. Pada tahun 2023, terdapat peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelumnya, iaitu kepada 16.3 peratus, kemudian menurun kepada 15.8 peratus pada tahun 2024.
- Peratusan graduan yang bekerja dengan keluarga mencatatkan peningkatan dalam tempoh lima (5) tahun berturut-turut, iaitu daripada 6.9 peratus pada tahun 2020 kepada 8.1 peratus pada tahun 2024 (2021: 7.2%; 2022: 7.3%; 2023: 7.8%).
- Graduan yang bekerja sebagai pekerja kerajaan mencatatkan peningkatan pada tahun 2021 kepada 6.5% (2020: 3.3%), namun menurun dari tahun ke tahun kepada 6.2 peratus pada tahun 2022, 2023 (5.9%) dan 2024 (5.7%).

Carta 11.1a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan TVET, 2020–2024

	2020	2021	2022	2023	2024
	n= 47,635	n= 44,544	n= 46,018	n= 50,222	n= 51,442
Pekerja swasta (termasuk NGO) →	71.6	73.2	75.3	70.0	70.0
Usahawan →	18.3	13.1	11.3	16.3	15.8
Bekerja dengan keluarga →	6.9	7.2	7.3	7.8	8.1
Pekerja kerajaan →	3.3	6.5	6.2	5.9	5.7
Bekerja sendiri →	-	-	-	-	0.5


n= Jumlah responden yang bekerja

11.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Mengikut Peringkat Pengajian, 2020–2024

Pendapatan bulanan graduan TVET dianalisis berdasarkan trend lima (5) tahun terkini mengikut peringkat pengajian utama, iaitu ijazah pertama, diploma dan sijil bagi melihat perbezaan dan perkembangannya dalam kalangan graduan.

11.2.1 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Ijazah Pertama, 2020–2024

- Dalam tempoh 2020 hingga 2021, graduan ijazah pertama yang keseluruhannya merupakan keluaran politeknik mencatatkan peratusan tertinggi pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000. Namun, bermula pada tahun 2022, julat pendapatan tertinggi berubah kepada RM2,001 – RM3,000. Peratusan graduan dalam julat ini meningkat daripada 34.5 peratus (2020) kepada 56.7 peratus (2024).
- Pada masa yang sama, peratusan graduan yang berpendapatan RM1,000 & ke bawah menunjukkan penurunan tahun ke tahun, iaitu daripada 10.3 peratus pada tahun 2020 kepada hanya 0.6 peratus pada tahun 2024.
- Sementara itu, bagi graduan yang berpendapatan RM1,001 – RM2,000 pula, terdapat peningkatan daripada 44.0 peratus pada tahun 2020 kepada 48.6 peratus pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, julat ini mula menunjukkan penurunan ketara pada tahun-tahun berikutnya, iaitu 29.4 peratus (2022), 23.4 peratus (2023), dan 17.2 peratus (2024).
- Selain itu, peratusan graduan yang memperoleh pendapatan melebihi RM3,001 juga menunjukkan peningkatan, daripada 11.2 peratus pada tahun 2020 kepada 25.5 peratus pada tahun 2023 dan 2024.




11.2.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma, 2020-2024

- Dalam tempoh lima (5) tahun terkini, peratus graduan peringkat diploma yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000 kekal sebagai kumpulan terbesar. Peratus tersebut menunjukkan penurunan daripada 73.7 peratus pada tahun 2021 kepada 62.5 peratus pada tahun 2024.
- Bagi julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 dan RM3,001 & ke atas merekodkan peningkatan pada tahun 2024, iaitu masing-masing kepada 25.5 peratus (2020: 9.0%) dan 5.1 peratus (2020: 1.8%).
- Peratusan graduan dalam julat pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah mencatatkan trend penurunan ketara daripada 16.6 peratus pada tahun 2020 kepada 6.9 peratus pada tahun 2024.

Carta 11.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Diploma, 2020-2024



n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan diploma yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)


- i) 2020 - 319 graduan
- ii) 2021 - 1,069 graduan
- iii) 2022 - 1,241 graduan
- iv) 2023 - 398 graduan
- v) 2024 - 364 graduan

11.2.3 Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Sijil, 2020–2024

- Peratusan tertinggi pendapatan bulanan bagi graduan peringkat sijil ialah dalam julat RM1,001 – RM2,000, dengan peratusan tertinggi dicatat pada tahun 2022, iaitu sebanyak 70.7 peratus.
- Pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 mencatatkan peningkatan daripada 6.0 peratus pada tahun 2020 kepada 11.1 peratus pada tahun 2022, seterusnya menurun kepada 10.8 peratus pada tahun 2023. Namun, kembali meningkat kepada 15.5 peratus pada tahun seterusnya.
- Julat RM3,001 & ke atas merekodkan peningkatan dari 1.3 peratus pada tahun 2020 kepada 3.8 peratus pada tahun 2024, walaupun terdapat penurunan pada tahun 2023 (2.2%).
- Peratusan graduan yang memperoleh pendapatan RM1,000 & ke bawah pula mencatatkan penurunan ketara daripada 29.4 peratus pada tahun 2020 kepada 15.5 peratus pada tahun 2024.

Carta 11.2c

Trend Pendapatan Bulanan Graduan TVET Peringkat Sijil, 2020–2024



n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan sijil yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji)

- i) 2020 - 238 graduan
- ii) 2021 - 936 graduan
- iii) 2022 - 709 graduan
- iv) 2023 - 326 graduan
- v) 2024 - 360 graduan

11.3 Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2020–2024

- Syarikat tempatan kekal sebagai majikan utama bagi graduan dari tahun 2020 hingga 2024. Peratus graduan yang bekerja dalam sektor ini meningkat daripada 62.1 peratus pada tahun 2020 kepada 67.1 peratus pada tahun 2021 dan menurun kepada 60.5 peratus pada tahun 2023. Pada tahun 2024 peratus graduan yang bekerja dalam sektor ini meningkat kepada 63.5 peratus.
- Peratus kedua tertinggi ialah sektor ekonomi gig, merekodkan sebanyak 12.6 peratus pada tahun 2024, iaitu menurun sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2023 (13.0%). Data ini mula direkodkan bermula tahun 2023.
- Bagi syarikat multinasional, peratusan graduan yang bekerja di sektor ini mencatatkan peningkatan daripada 11.8 peratus pada tahun 2020 kepada 12.2 peratus pada tahun 2021, kemudian 14.9 peratus pada tahun 2022. Namun, berlaku penurunan pada tahun 2023, iaitu kepada 11.3 peratus dan 10.1 peratus pada tahun 2024.
- Graduan yang bekerja dalam sektor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mencatatkan penurunan ketara, iaitu dari 19.1 peratus pada tahun 2020 kepada 6.5 peratus pada tahun 2024.
- Sektor kerajaan negeri/tempatan mencatatkan trend turun naik, iaitu meningkat kepada 4.1 peratus pada 2021 (2020: 1.8%), menurun pada tahun 2022 (3.7%) dan 2023 (2.9%), kembali meningkat kepada 3.1 peratus pada tahun 2024.

Jadual 11a

Trend Sektor Pekerjaan Graduan TVET, 2020–2024

Sektor pekerjaan	Tahun (%)				
	2020 (n= 35,660)	2021 (n= 35,491)	2022 (n= 37,481)	2023 (n= 50,222)	2024 (n= 51,442)
Syarikat tempatan	62.1	67.1	65.4	60.5	63.5
*Ekonomi gig	-	-	-	13.0	12.6
Syarikat multinasional	11.8	12.2	14.9	11.3	10.1
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	19.1	10.0	10.0	7.8	6.5
Kerajaan Negeri/Tempatan	1.8	4.1	3.7	2.9	3.1
Kerajaan Persekutuan	1.9	2.9	2.6	2.0	1.9
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	2.6	2.7	2.2	1.6	1.7
Badan berkanun	0.6	1.2	1.2	0.9	0.7

n= Jumlah responden pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO)

*contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/Dropship Agent/Personal Shopper dan lain-lain

11.4 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan TVET, 2020–2024

- Sektor perkhidmatan merupakan sektor ekonomi terbesar dengan peningkatan peratusan daripada 68.9 peratus pada tahun 2020 kepada 71.5 peratus pada tahun 2024.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor pembuatan mencatatkan penurunan, iaitu daripada 22.6 peratus pada tahun 2020 kepada 17.2 peratus pada tahun 2024. Walaupun terdapat sedikit peningkatan pada tahun 2022, trend dua (2) tahun terkini menunjukkan penurunan dalam sektor ini.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam sektor pembinaan mencatatkan peningkatan daripada 5.7 peratus (2020) kepada 7.2 peratus pada tahun 2021, kemudian menurun kepada 7.1 peratus (2022) dan 6.4 peratus (2023). Namun pada tahun 2024, kembali mencatatkan peningkatan kepada 8.4 peratus.
- Sektor perlombongan & pengkuarian pula kekal pada 0.2 peratus sepanjang tempoh empat (4) tahun berturut-turut, kemudian meningkat kepada 0.3 peratus pada tahun 2024.

Jadual 11b

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan TVET, 2020–2024

Sektor ekonomi	Tahun (%)				
	2020 (n= 47,635)	2021 (n= 44,544)	2022 (n= 46,018)	2023 (n= 50,222)	2024 (n= 51,442)
Perkhidmatan	68.9	68.4	68.4	72.6	71.5
Pembuatan	22.6	20.9	21.6	18.5	17.2
Pembinaan	5.7	7.2	7.1	6.4	8.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.6	3.2	2.6	2.4	2.6
Perlombongan dan pengkuarian	0.2	0.2	0.2	0.2	0.3

n= Jumlah responden bekerja

*Pertanian merujuk kepada sektor ekonomi pertanian, perhutanan dan perikanan.

11.5 Trend Kumpulan Pekerjaan dan Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2020–2024

- Kumpulan juruteknik & profesional bersekutu mencatatkan peratus tertinggi graduan yang bekerja dalam kategori ini, walaupun mengalami sedikit penurunan, iaitu daripada 29.6 peratus pada tahun 2020 kepada 28.8 peratus pada tahun 2024.
- Peratusan graduan yang bekerja dalam kumpulan pekerjaan perkhidmatan & jualan mencatatkan peningkatan daripada 16.8 peratus pada tahun 2020 kepada 18.5 peratus pada tahun 2023, kemudian menurun kepada 17.0 peratus pada tahun 2024.
- Bagi kumpulan pekerjaan profesional, terdapat peningkatan daripada 12.4 peratus pada tahun 2020 kepada 15.7 peratus pada tahun 2024.

Jadual 11c

Trend Kumpulan Pekerjaan Graduan TVET, 2020–2024

Kumpulan pekerjaan	Tahun (%)				
	2020 (n= 38,928)	2021 (n= 44,279)	2022 (n= 46,018)	2023 (n= 50,222)	2024 (n= 51,442)
Pengurus	1.8	2.2	2.0	2.0	1.8
Profesional	12.4	13.2	13.8	14.5	15.7
Juruteknik dan profesional bersekutu	29.6	27.3	30.4	28.5	28.8
Pekerja sokongan perkeranian	11.8	11.8	10.9	11.6	9.8
Pekerja perkhidmatan dan jualan	16.8	17.0	16.5	18.5	17.0
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.5	1.1	0.9	0.8	0.9
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	10.4	9.9	9.8	9.9	11.7
Operator mesin dan loji, dan pemasang	8.5	8.0	7.0	5.9	6.0
Pekerja asas	7.9	9.3	8.6	8.1	7.9
Angkatan tentera	0.4	0.3	0.2	0.3	0.2

n= Jumlah responden bekerja

Nota:

- 1) 2020 – tidak termasuk graduan bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan
- 2) 2021 hingga 2024 – merangkumi semua graduan TVET yang bekerja

- Sepanjang tempoh lima (5) tahun terkini, peratusan graduan dalam kumpulan pekerja mahir mencatatkan trend turun naik dengan tertinggi adalah pada tahun 2024 (46.4%).
- Peratusan graduan pekerja separuh mahir mencatatkan penurunan dalam tempoh yang sama, iaitu daripada 48.1 peratus pada tahun 2020 kepada 45.6 peratus pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan pada tahun 2023 (46.8%).
- Bagi kumpulan berkemahiran rendah, peratusan graduan dalam kategori ini mengalami peningkatan pada tahun 2021, iaitu sebanyak 9.3 peratus berbanding 7.9 peratus pada tahun 2020. Namun, peratusan graduan berkemahiran rendah mencatatkan trend penurunan dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

Jadual 11d

Trend Tahap Kemahiran Graduan TVET, 2020–2024

Tahap kemahiran	Tahun (%)				
	2020 (n= 38,783)	2021 (n= 44,166)	2022 (n= 45,937)	2023 (n= 50,091)	2024 (n= 51,359)
Mahir	43.9	42.8	46.3	45.1	46.4
Separuh mahir	48.1	47.9	45.1	46.8	45.6
Berkemahiran rendah	7.9	9.3	8.6	8.1	8.0

n= Jumlah responden yang bekerja

Nota: Tidak termasuk graduan dalam kumpulan angkatan tentera

Muka surat ini dibiarkan kosong.



KESIMPULAN

Muka surat ini dibiarkan kosong.



BAB 12

KESIMPULAN |

Muka surat ini dibiarkan kosong.

Kajian Pengesanan Graduan pada tahun 2024 telah disertai oleh 891 IPT dengan keluaran sebanyak 353,112 graduan di mana seramai 328,121 graduan telah melengkapkan kaji selidik dengan kadar respons sebanyak 92.9 peratus. Universiti awam mengeluarkan seramai 151,741 graduan yang mewakili 43.0 peratus dari keseluruhan graduan tahun 2024. IPTS mewakili 35.2 peratus keluaran graduan 2024, iaitu sebanyak 124,370 graduan, diikuti politeknik sebanyak 6.7 peratus (23,800 graduan), ILKA KKDW 5.0 peratus (17,780 graduan) dan kolej vokasional 2.9 peratus (10,350 graduan). Seterusnya ILKA KESUMA mengeluarkan graduan sebanyak 2.4 peratus (8,349 graduan), kolej komuniti 2.2 peratus (7,599 graduan) dan ILKBS 1.2 peratus (4,222 graduan). Dua (2) kumpulan terbesar keluaran graduan pada tahun 2024 ialah peringkat pengajian ijazah pertama dan diploma, iaitu masing-masing sebanyak 44.5 peratus (157,247 graduan) dan 33.0 peratus (116,384 graduan). Manakala bagi peringkat sijil, keluaran adalah sebanyak 9.8 peratus (34,620 graduan), sarjana 8.2 peratus (28,835 graduan), PhD 1.8 peratus (6,483 graduan) dan peringkat lain sebanyak 2.7 peratus (9,543 graduan).

Berdasarkan keperluan semasa dan maklum balas daripada Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Kewangan (MOF), pemegang taruh dan pihak berkepentingan, KPT telah menyemak semula operasi definisi (OD) **Kadar Kebolehpasaran Graduan** agar selaras dengan kadar Siswazah Bekerja yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan International Labour Organization (ILO) di peringkat antarabangsa. OD baharu yang diperkenalkan iaitu **Kadar Bekerja Graduan** merupakan **perkadaran graduan baharu yang bekerja kepada bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh**. Pasaran **tenaga buruh** meliputi graduan berstatus **bekerja** dan **belum bekerja**. Bagi graduan yang berada di **luar tenaga buruh**, ia merangkumi graduan yang **melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan, tidak berminat mencari pekerjaan, tidak berkeupayaan untuk bekerja, suri rumah dan lain-lain** tidak diambil kira dalam pengiraan tersebut.

Berdasarkan dapatan Kajian Pengesanan Graduan 2024, **kadar bekerja graduan baharu warganegara** meliputi graduan IPT tempatan termasuk ILKA merekodkan **92.5 peratus**, iaitu meningkat sebanyak 1.6 peratus berbanding 90.9 peratus pada tahun 2023 dalam tempoh enam (6) bulan selepas menamatkan pengajian. Manakala bagi kadar bekerja graduan TVET warganegara yang terdiri daripada graduan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), politeknik, kolej komuniti dan ILKA menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus daripada 95.1 peratus pada tahun 2023 kepada 95.6 peratus pada tahun 2024.

KPT telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan selaras dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021–2025 yang dilancarkan pada tahun 2021. Kejayaan awal pelaksanaan pelan ini dapat dilihat apabila kadar kebolehpasaran graduan melepasi sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Antara program yang menyumbang kepada pencapaian ini ialah **Program Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan** dan **Program Tauliah Industri dan Profesional (KPTiP)** yang memberi nilai tambah kepada pengetahuan serta kemahiran graduan dalam menghadapi perubahan dinamik ekonomi yang semakin mencabar dan bersaing dengan keperluan industri semasa.

Walaupun kadar kebolehpasaran graduan terus meningkat menjelang 2025, KPT kekal komited untuk memastikan graduan tidak hanya memperoleh pekerjaan, tetapi pekerjaan yang berkualiti dan setara dengan kelayakan pendidikan. Usaha ini bukan sahaja melibatkan pembangunan bakat, tetapi juga merangkumi penciptaan peluang **pekerjaan berkemahiran tinggi** serta pembangunan ekonomi mampan. Sehubungan itu, kerjasama strategik telah diperkukuh bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), KE serta KESUMA bagi **menangani isu bekerja di bawah kelayakan pendidikan (underemployment)** serta membantu graduan memperoleh gaji yang setara dengan kelayakan pendidikan (**gaji permulaan graduan**).

Bagi memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan tinggi dan industri, KPT turut melaksanakan **Pemetaan IPT dan Industri** melalui pelbagai platform kolaboratif seperti Majlis TVET Negara (MTVET) dan Government-Industry TVET Collaboration Body (GITC) yang berperanan sebagai penghubung strategik antara kerajaan dan sektor industri. Antara lain, KPT turut memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan agensi seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Dalam masa yang sama, elemen keusahawanan terus diperkukuhkan di IPT menerusi program yang **menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan** yang bertujuan membentuk pelajar bukan sahaja sebagai pencari pekerjaan (job seeker), tetapi juga sebagai pencipta pekerjaan (job creator).

Sebagai langkah jangka panjang, KPT akan melaksanakan **Kajian Longitudinal Mengenai Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Tinggi** bagi memahami dengan lebih mendalam dinamika pasaran buruh graduan, termasuk kestabilan pekerjaan, mobiliti kerjaya dan kesesuaian kelayakan akademik dalam dunia pekerjaan. Selain itu, KPT akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan agensi seperti KESUMA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) bagi memperkukuh pengurusan serta analisis data pendidikan tinggi, khususnya dalam menyokong pembuatan keputusan berasaskan data dalam ledakan era pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI).

Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Siswazah (*Graduates Statistic*) 2023

Kementerian Ekonomi. Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025 (RMKe-12), (Putrajaya: Kementerian Ekonomi, 2021)

Kementerian Pengajian Tinggi. National Graduate Employability Blueprint 2012–2017, (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, 2012)

Kementerian Pendidikan Tinggi. Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025, (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi, 2021)

Nota Daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Kadar Kebolehpasaran Graduan Tahun 2024.

Muka surat ini dibiarkan kosong.



LAMPIRAN

A-C

Muka surat ini dibiarkan kosong.

Bidang pengajian	Merujuk kepada garis panduan kod Pendidikan Nasional (NEC) versi 2020, iaitu pendidikan, sastera dan kemanusiaan, sains sosial, kewartawanan dan maklumat, perniagaan, pentadbiran dan perundangan, sains semulajadi, matematik dan statistik, teknologi maklumat dan komunikasi, Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar, kesihatan dan kebajikan, perkhidmatan, dan program dan kelayakan generik.
Bekerja sendiri (e+p hailing)	Merujuk kepada graduan yang bekerja sendiri/ <i>freelance</i> pada taraf pekerjaan dengan jenis pekerjaan dalam MASCO adalah pemandu e-hailing, penghantar cepat, penghantar pos, pengangkut barang dan setaraf. Keterangan bagi e-hailing dan p-hailing adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1) E-hailing - pemandu profesional yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada penumpang melalui platform dalam talian atau aplikasi mudah alih. 2) P-hailing - penghantaran barangan/makanan menggunakan platform dalam talian atau aplikasi mudah alih.
Diploma	Diploma yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancangkan supaya membawa kepada penganugerahan diploma itu atau yang setaraf dengannya.
Diploma lanjutan	Diploma lanjutan yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancangkan supaya membawa kepada penganugerahan diploma lanjutan itu atau yang setaraf dengannya.
Pekerjaan Gig	Sebuah model dimana individu menawarkan akses kepada perkhidmatan atau aset menerusi platform digital kepada pasaran. Model ini juga dikenali sebagai model <i>crowdsourcing</i> .
<i>Freelance</i>	Graduan yang menawarkan perkhidmatannya kepada pelbagai majikan.
Graduan	Bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian.
Graduan bekerja	Graduan yang bekerja sekurang-kurangnya sejam (1 jam) semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (pekerja, sebagai majikan, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
Graduan bekerja sendiri	Graduan yang menjalankan perusahaan sendiri sama ada secara persendirian atau perkongsian dan sama ada melaksanakan sendiri kerja perusahaannya itu atau mengupah pekerja lain.
Graduan belum bekerja	Graduan yang tidak mempunyai pekerjaan.
Graduan melanjutkan pengajian	Graduan yang mendaftar sebagai penuntut Institusi Pengajian Tinggi.
Graduan meningkatkan kemahiran	Graduan yang mengikuti latihan bagi melengkapkan diri atau menambah kemahiran yang telah diperolehi semasa di institusi. Ia merangkumi skim-skim latihan yang dikelolakan oleh agensi-agensi kerajaan.
Graduan pascasiswazah	Graduan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD dan setaraf.

Graduan usahawan	Graduan yang bekerja sendiri, sebagai majikan dan <i>freelance</i> dan tidak termasuk graduan yang terlibat dengan pemandu e-hailing dan penghantar barang (e+p hailing).
Ijazah	Ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda, atau di peringkat Sarjana atau di peringkat Kedoktoran sesudah orang itu mencapai dengan jayanya satu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya.
Institut Latihan Kemahiran Awam	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional.
Institusi Pendidikan Tinggi	Sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang beroperasi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
Institusi Pendidikan Tinggi Lain (IPT lain)	Merujuk kepada institusi pendidikan tinggi di bawah kementerian lain, iaitu Kolej Profesional MARA di bawah KKDW, ASWARA di bawah MOTAC, INSPEN di bawah MOF dan IPDAS di bawah kerajaan negeri Sabah.
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	Institusi Pendidikan Tinggi yang berdaftar dengan KPT di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).
Kadar Bekerja Graduan	Perkadaran graduan baharu yang bekerja kepada bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh. Pasaran tenaga buruh meliputi graduan baharu berstatus bekerja dan belum bekerja. Kadar Bekerja Graduan ini mengukur peratus graduan baharu di dalam tenaga buruh yang bekerja.
Kadar Belum Bekerja	Perkadaran graduan baharu yang belum bekerja kepada bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh.
Kebolehpasaran Graduan (GM)	Merujuk kepada status graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Sebelum tahun 2024 dikenali sebagai GE (Graduate Employability).
Kolej	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengendalikan pendidikan tertiar peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan kelayakan profesional lain.
Kolej komuniti	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil atau diploma. Institusi ini turut mengendalikan latihan jangka pendek mengikut keperluan dan permintaan komuniti setempat.
Kolej Universiti	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang mengendalikan pendidikan peringkat tertiar dalam bidang profesional atau sesuatu bidang pengajian yang khusus.
Kumpulan pekerjaan	Pengelasan kumpulan pekerjaan adalah berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) versi 2020 yang merangkumi 10 kumpulan termasuk Angkatan Tentera. Pilihan jawatan oleh graduan adalah menggunakan Kumpulan Unit Kecil (6 digit) seperti pada pautan https://emasco.mohr.gov.my/index

Luar Tenaga Buruh	Graduan baharu yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau belum bekerja yang berada dalam tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada graduan yang sedang melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan dan sebab belum bekerja lain.
Orang Asli	Warganegara Malaysia yang tergolong dalam etnik orang asli atau penduduk asal negara ini mengikut takrifan Akta Orang Asli 1954.
Orang Kurang Upaya (OKU)	Seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera.
Pendidikan	Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).
Politeknik	Institusi pendidikan peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil, diploma dan ijazah pertama.
Responden	Graduan yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan.
Sektor Ekonomi	Sektor ekonomi atau klasifikasi industri yang digunakan adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Terdapat 21 kategori aktiviti ekonomi yang kemudiannya dikelaskan kepada lima sektor iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Perincian sektor dan aktiviti ekonomi adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Pertanian – aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 2) Perlombongan & Pengkuarian – aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian 3) Pembuatan – aktiviti Pembuatan 4) Pembinaan – aktiviti Pembinaan 5) Perkhidmatan – selain daripada aktiviti di atas
Sistem Kajian Pengesanan Graduan	Sistem ini merupakan platform bagi menjalankan kaji selidik bagi meninjau status pekerjaan graduan pada musim konvokesyen institusi masing-masing. Terdapat tiga komponen soal selidik yang digunakan mengikut kumpulan sasaran, iaitu: <ol style="list-style-type: none"> 1) SKPG1 – memaparkan soal selidik bagi graduan UA, IPTS dan IPT lain 2) SKPG TVET – soal selidik khusus kepada graduan TVET dari ILKA 3) SKPG2.0 – dibangunkan khusus bagi membolehkan semua graduan IPT/ILKA mengemas kini status pekerjaan jika terdapat perubahan status pekerjaan. Sistem ini juga dikenali sebagai Sistem Kemas Kini Status Pekerjaan dengan soalan yang sangat ringkas. Malahan, sistem ini juga membolehkan graduan yang tidak respons SKPG1 /SKPG TVET setelah tamat tempoh capaian menyertai kaji selidik.
Sijil	Sijil yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan sijil itu atau yang setaraf dengannya.

Tahap Kemahiran	<p>Bagi tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran seperti berikut:</p> <p>a) Mahir – (1) Pengurus; (2) Profesional; (3) Juruteknik dan profesional bersekutu</p> <p>b) Separuh mahir – (4) Pekerja sokongan perkeranian; (5) Pekerja perkhidmatan dan jualan; (6) Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; (7) Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; (8) Operator mesin dan loji, dan pemasang</p> <p>c) Berkemahiran rendah – (9) Pekerja asas</p>
Tenaga Buruh	<p>Semua graduan baharu yang bekerja dan belum bekerja berasaskan International Labour Organization (ILO). Belum bekerja pada laporan ini merangkumi graduan dengan sebab sedang mencari pekerjaan, pekerjaan yang ditawarkan tidak sesuai dan enggan berpindah ke tempat lain.</p>
Universiti Awam (UA)	<p>Institusi Pendidikan Tinggi bertaraf universiti awam yang ditubuhkan oleh kerajaan dan dikategorikan kepada empat (4) kumpulan iaitu:</p> <p>a) Universiti Penyelidikan – memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan. Terdiri daripada lima (5) UA iaitu i) Universiti Malaya, ii) Universiti Kebangsaan Malaysia, iii) Universiti Teknologi Malaysia, iv) Universiti Sains Malaysia dan v) Universiti Putra Malaysia;</p> <p>b) Universiti Komprehensif – menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian yang merangkumi enam (6) UA iaitu i) Universiti Teknologi MARA, ii) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, iii) Universiti Malaysia Sabah, iv) Universiti Malaysia Sarawak, v) Universiti Sains Islam Malaysia dan vi) Universiti Sultan Zainal Abidin;</p> <p>c) Universiti Berfokus – memberikan tumpuan atau perhatian kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya. Terdiri daripada lima (5) UA iaitu i) Universiti Utara Malaysia, ii) Universiti Pendidikan Sultan Idris, iii) Universiti Malaysia Terengganu, iv) Universiti Malaysia Kelantan dan v) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia;</p> <p>d) Universiti MTUN – menawarkan pelbagai kursus teknikal bagi memenuhi keperluan industri yang merangkumi empat (4) UA iaitu i) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, ii) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, iii) Universiti Malaysia Perlis dan iv) Universiti Malaysia Pahang.</p>

ABM	Akademi Binaan Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BKPKK	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti
BNM	Bank Negara Malaysia
BW	Bukan Warganegara
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i>
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GE	<i>Graduate Employment</i>
GM	<i>Graduate Employability</i>
GLC	Syarikat berkaitan kerajaan (<i>Government- link company</i>)
GREaT	<i>Graduates Reference Hub for Employment and Training</i>
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
ILKAP	Institut Latihan Kemahiran Awam Pertanian
ILKBS	Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
ILP	Institut Latihan Perindustrian
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
INSPEN	Institut Penilaian Negara
IPDAS	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KE	Kementerian Ekonomi
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KK	Kolej Komuniti
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKR	Kementerian Kerja Raya
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KR	Kadar respons (peratus)
KV	Kolej Vokasional
L	Lelaki
MAISN	Majlis Agama Islam Negeri
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MASCO	<i>Malaysia Standard of Classification of Occupations</i>
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia

MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MSIC	<i>Malaysia Standard Industrial Classification Codes</i>
N	Bilangan graduan
n	Bilangan responden
NGO	Organisasi bukan kerajaan (<i>Non-governmental organization</i>)
OKU	Orang Kurang Upaya
P	Perempuan
PENJANA	Pelan Jana Ekonomi
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PhD	Doktor Falsafah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PSKG	Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SKPG2.0	Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kemas Kini Status Pekerjaan
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
UA	Universiti Awam
W	Warganegara
WP	Wilayah Persekutuan

PENGARANG

Cik Sarina Ab Rahman Pn. Azlina Saleh
Pn. Siti Zubaidah Abu Bakar Cik Norzalina Isa
Pn. Mariyah Jamilah Kamis Pn. Norfadila Masdan

Penyunting

Ts. Salwati Badroddin
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik

Seksyen Data
Bahagian Perancangan Strategik

Pereka Grafik

Cik Nur Hidayah Mohd Hanafi

Teknikal

Pn. Norliza Md Yusof
En. Hamizan Abdul Karim
Pn. Nur Farah Mat Lawi
Cik Nur Atirah Alihan

LAMPIRAN

D

UNIVERSITI AWAM

